

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : PRESTASI EKONOMI NEGERI**

121. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan prestasi ekonomi Selangor untuk suku tahun pertama 2017 berbanding 2016?
- b) Nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memacu prestasi ekonomi negeri 2017?

**JAWAPAN:**

Y.B. Batang Kali telah bertanya berkaitan prestasi ekonomi Selangor untuk suku tahun pertama 2017 berbanding 2016 manakala Y.B. Telok Datok pula bertanya tentang pertumbuhan ekonomi bagi penggal pertama tahun 2017 di Negeri Selangor. Izinkan saya untuk menjawab bersekali soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang disebutkan sebentar tadi.

Berdasarkan laporan yang dikemukakan oleh *Malaysian Institute of Economic Research* (MIER), Negeri Selangor mencapai kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 5.3% pada suku tahun pertama 2017. Ia merupakan pertumbuhan sebanyak 0.5% jika dibandingkan dengan suku tahun pertama 2016 iaitu sebanyak 4.8%. Semua sektor utama ekonomi juga mencatatkan perkembangan positif dengan sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang terbesar KDNK Selangor dengan mencatatkan peningkatan sebanyak 5.5% dengan nilai sumbangan sebanyak RM37,501 juta iaitu peningkatan nilai sumbangan sebanyak RM1,952 juta berbanding RM35,549 juta pada suku tahun pertama 2016. Sektor pembuatan pula telah mencatatkan peningkatan sebanyak 4.25% dengan nilai sumbangan berjumlah RM18,211 juta iaitu peningkatan nilai sumbangan sebanyak RM742 juta berbanding RM17,469 juta pada suku tahun pertama 2016. Peningkatan dalam sektor pembinaan merupakan yang paling tinggi iaitu sebanyak 8.46% dengan nilai sumbangan berjumlah RM3,988 juta pada suku tahun pertama 2017 berbanding RM3,677 juta pada suku tahun pertama 2016. Sektor perlombongan dan pengkuarian pula menunjukkan peningkatan kedua tertinggi pada suku tahun pertama 2017 jika dibandingkan dengan suku tahun pertama 2016 iaitu sebanyak

7.48% dengan nilai sumbangan berjumlah RM158 juta berbanding RM147 juta pada 2016.

Berdasarkan prestasi utama ekonomi di suku tahun pertama 2017 ini, Kerajaan Negeri Selangor optimis pertumbuhan ekonomi Negeri Selangor akan terus mencatatkan prestasi yang memberangsangkan pada keseluruhan tahun 2017.

- b) Y.B. Batang kali juga bertanya tentang langkah-langkah yang diambil untuk memacu prestasi ekonomi negeri tahun 2017 manakala Y.B. Telok Datok pula bertanya tentang perancangan serta strategi untuk memperkasa aktiviti ekonomi tempatan demi menjamin kesejahteraan, kemakmuran dan keharmonian rakyat terus dijaga.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, seiring dengan kemajuan industri berteknologi tinggi, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan untuk memberi tumpuan kepada pembangunan ekonomi melalui pelaburan berimpak tinggi. Fokus ditumpukan terhadap pelaburan domestik dan luar negara dalam usaha untuk menjadikan Negeri Selangor lebih kompetitif dan berdaya saing di dalam lima (5) industri utama yang telah dikelaskan mengikut kluster iaitu:

6. Kluster Elektrik & Elektronik (*Electricals & Electronic Cluster*);
7. Kluster Makanan (*Food Cluster*);
8. Kluster Sains Hayat (*Life Sciences Cluster*);
9. Kluster Pemesinan dan Kejuruteraan (*Machinery and Engineering Cluster*);  
dan
10. Kluster Peralatan Pengangkutan (*Transport Equipment Cluster*)

Beberapa bidang industri tumpuan berdasarkan kluster-kluster tersebut telah dikenalpasti berpotensi untuk berkembang pesat di Negeri Selangor seperti:

5. E- dagang (*E-Commerce*);

Menerusi Majlis Teknologi Informasi dan E-Dagang Selangor (SITEC), Kerajaan Negeri komited untuk mengukuhkan pelaburan ekonomi digital e-dagang dan akan melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memupuk penjanaan ekonomi e-dagang melalui pelbagai teras antaranya memberikan pendidikan percuma kepada peniaga dalam bentuk pembelajaran alam maya dan akademi SITEC. Kemunculan Zon Perdagangan Bebas Digital juga merupakan satu lagi bentuk perubahan yang memberikan peluang kepada peniaga e-dagang bagi mengukuhkan lagi jenama dan pendapatan.

## 6. Bioteknologi;

Didorong kemajuan industri bioteknologi Jepun telah memberikan keyakinan kepada Kerajaan Negeri untuk membangunkan bioteknologi melalui perkongsian antarabangsa. Penubuhan Majlis Bio Selangor pada Februari 2016 adalah antara inisiatif bagi mengukuhkan lagi kesungguhan Negeri Selangor dalam membangunkan industri sains hayat. Selangor Bio Bay dibangunkan di Pulau Indah dengan keluasan 1,070 ekar untuk memberi fokus bagi menarik pelaburan dalam industri perubatan dan sains hayat berteknologi tinggi. Ia merupakan satu langkah proaktif Kerajaan Negeri untuk bergerak menjadi pusat pertumbuhan baru global dengan mengaplikasikan bioteknologi yang dijangka akan menjadi penggerak utama dunia.

## 7. Aero-angkasa;

Kerajaan Negeri turut melihat potensi kepesatan industri aeroangkasa dan mensasarkan untuk menjadi tiga hab aeroangkasa terbaik dunia melalui kerjasama dengan pemain industri antarabangsa. Bersandarkan kluster aeroangkasa yang semakin berkembang di Selangor, Kerajaan Negeri menggalakkan penggiat aeroangkasa antarabangsa untuk meneroka ekosistem pelaburan kondusif yang sudah tersedia di Negeri Selangor untuk dimanfaatkan. Pembangunan itu termasuk taman pengeluaran logam aeroangkasa di Serendah dan Subang, Subang Nexus serta Sepang, yang dikenali sebagai Aeropolis Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang. Kerajaan Negeri turut menjangkakan sejumlah RM750 juta dapat dijana menerusi industri aeroangkasa sebaik sahaja kilang di Serendah siap sepenuhnya.

## 8. Industri halal

Pasaran halal dunia cukup besar iaitu bernilai sekurang-kurangnya RM12 trilion (AS\$3 trilion) setahun. Potensi industri halal dunia mempunyai peluang besar untuk diterokai. Dengan jumlah populasi penduduk Islam hampir dua bilion seluruh dunia serta potensi jualan mencecah hampir RM9.2 trilion setahun peluang terbuka untuk diterokai dan dirintis. Kerajaan Negeri berhasrat memperkenalkan program 'Halal International Selangor' yang menetapkan penguasaan dalam dan luar negara sebagai sasaran baru serta

bersifat menyeluruh. Pulau Indah Selangor Halal Hub dan PKFZ Halal *Flagship Zone* yang ditubuhkan pada 2003 dan 2007 dengan gabungan keluasan seluas 1100 ekar merupakan antara pelaburan Kerajaan Negeri dalam memacu dan menggerakkan firma-firma di dalam kluster ini. Kerajaan Negeri percaya pelaburan di dalam industri ini akan menjanjikan imbuhan yang lumayan kepada Negeri Selangor dalam masa terdekat. Sebagai contoh, Ramly Burger telah mengumumkan pelaburan sejumlah RM274 juta untuk membiayai pembangunan kompleks bagi fasa pertama di dalam Halal Hub Industrial Park di Pulau Indah, Klang yang merupakan sebahagian daripada pelaburan berjumlah RM1 bilion untuk membangunkan sebuah pusat pemrosesan bagi meningkatkan kapasiti pasaran eksportnya.

Bagi mempromosikan peluang-peluang pelaburan yang tersedia dan menarik masuk pelaburan ke Negeri Selangor, Kerajaan Negeri telah merangka beberapa strategi antaranya:

15. Penjenamaan dan mempromosikan kawasan-kawasan perindustrian yang berpotensi melalui media cetak atau elektronik;
16. Pengemaskinian dan penyediaan buku panduan pelaburan yang komprehensif dan mudah untuk dijadikan bahan rujukan para pelabur;
17. Membantu pihak industri menyelesaikan isu-isu berbangkit berkaitan pelaburan melalui Mesyuarat Penyelarasan Projek yang diadakan setiap bulan;
18. Memperkasakan peranan Unit Pelaburan PBT bagi membantu para pelabur dalam proses kelulusan pembangunan;
19. Menyediakan peruntukan khusus bagi penyelenggaraan kawasan perindustrian di setiap PBT;
20. Mengadakan Mesyuarat *Industrial Park Management Committee* (IPMC) bagi membantu menyelesaikan isu-isu kawasan perindustrian yang dihadapi oleh pelabur di peringkat PBT;
21. Menyediakan pelan perancangan strategik sektor perindustrian;
22. Merangka dan memacu hala tuju pembangunan perindustrian melalui Majlis Mesyuarat yang ditubuhkan iaitu;

- (e) *Selangor Information Technology and E-Commerce Council (SITEC)*
  - (f) *Halal International Selangor Council*
  - (g) *Selangor Aerospace Council*
  - (h) *Bio-Tech Council*
23. Meningkatkan usaha promosi di luar negara seperti program lawatan pengalakkan pelaburan;
  24. Mewujudkan jaringan hubungan atau *networking* dengan agensi-agensi yang berkaitan (agensi kerajaan, kedutaan, Dewan-Dewan Perniagaan dalam dan luar negara);
  25. Mewujudkan rakan hubungan strategik dengan agensi-agensi yang berkaitan;
  26. Pengkelasan kawasan perindustrian mengikut standard kawasan perindustrian luar Negara bagi menyediakan kawasan perindustrian yang kondusif mengikut keperluan industri;
  27. Menggalakkan pembukaan kawasan-kawasan perindustrian baru dengan penglibatan anak syarikat Kerajaan Negeri dan pemaju swasta yang berkonsepkan *Managed Industrial Park*; dan
  28. Penganjuran Ekspo dan Forum bertaraf antarabangsa di dalam Negeri Selangor.

Ahli-ahli Y.B., adalah menjadi hasrat bagi Kerajaan untuk terus berusaha bagi menyuburkan ekonomi Negeri Selangor seterusnya mengagihkan kekayaan daripada hasil kutipan Negeri kepada rakyat secara adil dan saksama. Sudah tentu perancangan ke arah itu akan memerlukan strategi dan komitmen berterusan daripada pelbagai pihak terutamanya pemimpin-pemimpin masyarakat dan jentera Kerajaan. Rakyat yang berkembang kebolehannya akan menjadikan Selangor sebagai negeri yang kekal progresif dan produktif.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : BAYARAN FI PENYELENGGARAAN FLAT**

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kes yang didakwa di mahkamah kerana tidak membayar fi penyelenggaraan bulanan?. Sila beri pecahan mengikut PBT untuk 3 tahun yang lepas?
- b) Berapa bilangan pegawai di setiap PBT dan di LPHS yang bertugas untuk tujuan ini?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Y.B, pendakwaan bagi kesalahan kegagalan atau keengganan membayar caj penyelenggaraan dan pengurusan di bawah seksyen 34 Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663) telah dimulakan oleh Kerajaan Negeri melalui pegawai pendakwa di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) pada tahun 2012. Seksyen 377(b) Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593) membenarkan pendakwaan jenayah dijalankan di mahkamah oleh mana-mana pegawai setelah Pendakwa Raya memberi kuasa untuk mendakwa secara bertulis.

Kes pendakwaan yang telah dibawa ke mahkamah bagi kesalahan di bawah seksyen 34 Akta 663 atau seksyen 34(3) Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) [mana-mana yang berkaitan], bermula dari tahun 2012 sehingga kini adalah sebanyak 631 kes bagi 11 PBT. Berikut dilampirkan senarai kes bagi 3 tahun yang lepas iaitu bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 serta senarai PBT yang tersebut seperti di Lampiran A.

- b) Bagi meningkatkan penguatkuasaan bersepadu dan berkesan bagi pelaksanaan seksyen 34(3) Akta 757, Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 6/2016 yang bersidang pada 17 Februari 2016 mengarahkan pelaksanaan bagi penstrukturan semula organisasi Pesuruhjaya Bangunan (COB) di setiap PBT Negeri Selangor sebelum atau pada 31 Mac 2016 dengan menggunakan peruntukan PBT masing-masing, antara lain seperti berikut:

i- Membuat penambahan perjawatan kontrak berpandukan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2003 seperti berikut:

- Melantik Pegawai Undang-Undang Gred L41 kecuali Penolong Pegawai Undang-undang Gred L29 di Majlis Daerah Kuala Selangor dan Majlis Daerah Kuala Langat.
- Melantik Pegawai Penilaian W41 bagi kategori 1 (mengikut kesesuaian PBT).
- Melantik Penolong Pegawai Penilaian Gred W27 dengan jumlah maksimum 5 orang (mengikut kesesuaian kawasan zon utama di kawasan PBT).
- Memenuhi waran penjawatan sedia ada di Unit COB yang masih ada kekosongan jawatan.

Berikut dilampirkan bilangan pegawai yang bertugas di Unit Pesuruhjaya Bangunan di setiap PBT dan di LPHS seperti di Lampiran B.

**PENDAKWAAN DI BAWAH SEKSYEN 23 AKTA 663 - PEMBELI YANG TIDAK MEMBAYAR CAJ**

BIL	COB	NAMA KAWASAN					
		SENARAI PANGSAPURI	JUMLAH FAIL (PETAK)	JUMLAH PANGSAPURI YANG HANTAR PENDAKWAAN	JUMLAH PANGSAPURI YANG SEDANG DALAM PROSES MENDAPAT IZIN PENDAKWAAN & PENFALIAN	JUMLAH PANGSAPURI DALAM PROSES PENYEDIAAN KERTAS SIASATAN	JUMLAH KES DIPULANGKAN
1	MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM	--	0	0	-	-	-
2	MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA	SUNSURIA AVANUE	10	5	-	-	-
		PANGSAPURI IMPIAN	9				
		PANGSAPURI BAYU	5				
		PANGSAPURI SELASIH	2				
		PANGSAPURI PERMAI	6				
3	MAJLIS PERBANDARAN KLANG	CENTRO	1	5	-	-	-
		PANGSAPURI SRI AYU	7				
		PANGSAPURI PELANGI HEIGHTS	2				
		PANGSAPURI PALMA	6				
		PANGSAPURI MUTIARA BUKIT RAJA 2	5				
4	MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA	AMPANG PUTRA RESIDENSI	2	2	-	-	-
		TAMAN D'SURIA AMPANG	3				
5	MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA	PUTRA WALK	13	1	-	-	-
6	MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG	--	0	0	-	-	-
7	MAJLIS PERBANDARAN KAJANG	PANGSAPURI BANGI IDAMAN	9	4	-	-	-
		PANGSAPURI SERI KUNDANG	2				
		PANGSAPURI PERDANA IMPIAN	7				
		CHERAS INTAN APARTMENT	1				
8	MAJLIS PERBANDARAN SEPANG	PANGSAPURI BAIDURI COURTS	2	2	-	-	-
		PANGSAPURI PRIMA	8				
9	MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT	--	0	0	-	-	-
10	MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR	PPAJ	4	1	-	-	-
11	MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR	PANGSAPURI MAWAR	12	2	1	-	-
		PANGSAPURI TULIP	45				
12	MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM	--	0	0	-	-	-
<b>TOTAL</b>			<b>161</b>	<b>22</b>	<b>1</b>	<b>-</b>	<b>-</b>

**JUMLAH KAWASAN**

Kegagalan membayar caj penyenggaraan dan pengurusan harta bersama di bawah seksyen 23 Akta 663 dan jika di sabitkan kesalahan boleh di denda tidak lebih dari RM 5000 dan juga boleh di denda selanjutnya tidak lebih dari RM 50 bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**JUMLAH KESELURUHAN KES : 161 kes yang telah di terima bagi tahun 2014**



## PENDAKWAAN DI BAWAH SEKSYEN 23 AKTA 663 - PEMBELI YANG TIDAK MEMBAYAR CAJ

BIL	COB	NAMA KAWASAN					
		SENARAI PANGSAPURI	JUMLAH FAIL (PETAK)	JUMLAH PANGSAPURI YANG HANTAR PENDAKWAAN	JUMLAH PANGSAPURI YANG SEDANG DALAM PROSES MENDAPAT IZIN PENDAKWAAN & PEMFAILAN	JUMLAH PANGSAPURI DALAM PROSES PENYEDIAAN KERTAS SIASATAN	JUMLAH KES DIPULANGKAN
1	MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM	-	0	0	-	-	-
2	MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA	-	0	0	-	-	-
3	MAJLIS PERBANDARAN KLANG	-	0	0	-	-	-
4	MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA	PERMAI PRIMA APARTMENT	5	1	-	-	-
5	MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA	-	0	0	-	-	-
6	MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG	-	0	0	-	-	-
7	MAJLIS PERBANDARAN KAJANG	PANGSAPURI KENANGA	4	1	-	-	-
8	MAJLIS PERBANDARAN SEPANG	-	0	0	-	-	-
9	MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT	-	0	0	-	-	-
10	MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR	-	0	0	-	-	-
11	MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR	PANGSAPURI TROMPET	37	1	0	-	-
12	MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM	-	0	0	-	-	-
TOTAL			46	3	0	-	-

**JUMLAH KAWASAN**

Kegagalan membayar caj penyenggaraan dan pengurusan harta bersama di bawah seksyen 23 Akta 663 dan jika di sabitkan kesalahan boleh di denda tidak lebih dari RM 5000 dan juga boleh di denda selanjutnya tidak lebih dari RM 50 bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**JUMLAH KESELURUHAN KES : 46 kes yang telah di terima bagi tahun 2015**

## PENDAKWAAN DI BAWAH SEKSYEN 25(1) AKTA 757 - PEMBELI YANG TIDAK MEMBAYAR CAJ

BIL	COB	NAMA KAWASAN					
		SENARAI PANGSAPURI	JUMLAH FATIL (PETAK)	JUMLAH PANGSAPURI YANG HANTAR PENDAKWAAN	JUMLAH PANGSAPURI YANG SEDANG DALAM PROSES MENDAPAT IZIN PENDAKWAAN & PEMFAILAN	JUMLAH PANGSAPURI DALAM PROSES PENYEDIAAN KERTAS SIASATAN	JUMLAH KES DIPULANGKAN
1	MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM					-	-
2	MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA	PJCC	4	1	1	-	-
3	MAJLIS PERBANDARAN KLANG					-	-
4	MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA					-	-
5	MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA					-	-
6	MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG					-	-
7	MAJLIS PERBANDARAN KAJANG	PANGSAPURI BAIDURI	2	1	1	-	-
8	MAJLIS PERBANDARAN SEPANG					-	-
9	MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT					-	-
10	MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR					-	-
11	MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR	PANGSAPURI TULIP	14	1	1	-	-
12	MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM					-	-
TOTAL			20	3	2	-	-

**JUMLAH KAWASAN**

Kegagalan membayar caj penyenggaraan dan pengurusan harta bersama di bawah seksyen 25(1) Akta 757 dan jika di sabitkan kesalahan boleh di denda tidak lebih dari RM 5000 dan juga boleh di denda selanjutnya tidak lebih dari RM 50 bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**JUMLAH KESELURUHAN KES : 20 kes yang telah di terima dan sedang menunggu izin pendakwaan bagi tahun 2016**

**LAMPIRAN B****SENARAI KAKITANGAN DI UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)**

<b>BIL</b>	<b>NAMA</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>EMEL</b>
1	En.Ngadni Bin Mohamad	Pen.Peg.Penilaian Gred W36	Ngadni@Mdkl.Gov.My
2	Pn.Azlinda Binti Ibrahim	Pen.Akauntan Gred W29	Azlinda@Mdkl.Gov.My
3	En. Mohamad Zaid Bin Rosali	Pen.Peg.Penilaian Gred W29	Zaidrosali@Mdkl.Gov.My
4	Pn. Fazlawati Binti Zabidin	Pem.Tadbir Gred N19	Fazlawati@Mdkl.Gov.My

**1. MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT****2. MAJLIS PERBANDARAN KAJANG**

<b>BIL</b>	<b>NAMA</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>EMEL</b>
1	Siti Rosemawar binti Mohd Sahi	Pengarah W44	sitirosemawar@mpkj.gov.my
2	Muhammad Izzat bin Kamaruddin	Pegawai Penilaian W41	
3	Norazman bin Ismail	Penolong Pegawai Penilaian W29	azman_ismail@mpkj.gov.my
4	Nadiah bin Razali	Penolong Akauntan W29	nadiah@mpkj.gov.my
5	Mohd Azhari bin Nordin	Penolong Pegawai Tadbir N27	azhari@mpkj.gov.my
6	Nur Aida binti Zamaludin	Penolong Pegawai Penilaian W29	
7	Azwan Azizi bin Selamat	Pembantu Tadbir N19	
8	Ibrizah binti Ibrahim	Pembantu Tadbir N19	
9	Nurul Farehan binti Ibrahim	Pembantu Tadbir N19 (Sambilan)	
10	Leela a/p Veeriyah	Pembantu Am Pejabat N11	
11	Muhammad Sharizad bin Dolmala	Pemandu N11	

### 3. MAJLIS PERBANDARAN KLANG

BIL	NAMA	JAWATAN	EMEL
1	Ari bin Hj Adam	Pengarah / Pegawai Penilaian (W48)	ari.adam@mpklang.gov.my
2	Wan Nor Hafizah bt Amir	Pegawai Penilaian (W41)	hafizah.amir@mpklag.gov.my
3	Shafrella bt Sapardin	Pen. Akauntan (W32)	shafrella.sapardin@mpklang.gov.my
4	Roshayati bt Abdul Rahim	Pen. Pegawai Tadbir (N32)	roshayati.rahim@mpklang.gov.my
5	Raja Mohamad Aimel bin Raja Mustapha	Pen. Jurutera (JA29)	
6	Muhammad Ariff bin Khamzah	Pen. Pegawai Penilaian (W29)	
7	Nur Atiqah bt Hussin	Pen. Pegawai Penilaian (W29)	
8	Siti Nor Aminah bt Shafak Ahmad	Pen. Pegawai Penilaian (W29)	
9	Wajihuddin bin Dali	Pen. Pegawai Penilaian (W29)	
10	Mohamed Ali bin Shah Abudeen	Pembantu Tadbir Kanan (N22)	
11	Rahayu bt Rahmat	Pembantu Tadbir (N22)	
12	Mohamad Azmir bin Ajelan	Pembantu Tadbir (N22)	
13	Siti Firdaus bt Hj Mohd Bakir	Pembantu Tadbir (N19)	
14	Mohd Fared bin Mahmud	Pembantu Tadbir (N19)	
15	Wan Najmah bin Ahmad Danuri	Pembantu Tadbir (N19)	
16	Nurul Nadia Azlina bt Abdul Nasir	Pembantu Operasi (N11)	

### 4. MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

BIL	NAMA	JAWATAN	EMEL
1	En. Mohammad Shahidan Bin Haji Hashim	Pegawai Penilaian	shahril_omar@mpsepang.gov.my
2	Pn.Norhalizah Binti Md Jani	Pen.Akauntan	norhalizah@mpsepang.gov.my
3	En.Mohd Zafri Bin Daud	Pen.Peg.Penilaian	zafri@mpsepang.gov.my
4	Pn. Noraliza Binti Tosirun	Pen.Peg.Tadbir	noraliza@mpsepang.gov.my
5	Pn. Khalimatuzakiah Bt Ahmad	Pem.Tadbir	
6	En Balamurugan A/L Loganathan	Pem.Am.Pejabat	
7	En Mohamad Nabil Bin Mohd Nazari	Pembantu Penilaian	

## 5. MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR

BIL	NAMA	JAWATAN	EMEL
1	Pn. Siti Sarah Binti Ahmad Fuaad	Ketua Bahagian Pesuruhjaya Bangunan	sitisarah@mdhs.gov.my
2	En. Muhammad Zulfadli Bin Jaafar	Pen.Peg.Penilaian	zulfadli@mdhs.gov.my
3	Cik Nabilah Ajmal Bt Amir Kamaludin	Pen. Peg. Penilaian	
4	En Zaid Bin Zakaria	Pen.Akauntan	musuwari@mdhs.gov.my
5	Pn Nurulain Bt Mohsin	Pem.Tadbir	nurulain@mdhs.gov.my
6	Md Rashdan Shakir Bin Muhammad Fadzil	Pem.Tadbir	

## 6. MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

BIL	NAMA	JAWATAN	EMEL
1	En. Sr. Aminuddin Bin Hussein	Tim.Pesuruhjaya li/Pengarah W44	
2	Mohd Faizal Bin Md Arifin	Ketua.Penolong Pesuruhjaya/Timbangan Pengarah W44	
3	Norhaslinda Binti Latif	Pen.Akauntan W29	
4	En.Mohd Ismie Bin Ismail	Pen.Pesuruhjaya/Pen.Peg Penilaian W29	
5	En.Mohamad Ekhmal Aizat Bin Jalius	Pen.Peg.Penilaian	
6	Mohd Khaizuadlan Bin Ramli	Pen.Pesuruhjaya/ Pen.Peg.Tadbir N29	
7	Pn. Ramlah Bt Rahmad	Pem. Tadbir N19	
8	Pn. Haslinda Bt Md Zan	Pem. Juruaudit W19	
9	En. Muhammad Syahmi Bin Abdul Manaf	Pem. Penilaian W19	
10	En Farid Bin Ramli	Pem. Penilaian W19	
11	En Rasdan Bin Ishak	Pem. Operasi N11	
12	En Mohd Faizul Hisham Bin Mat Jisil	Pem. Operasi H11	

## 7. MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

BIL	NAMA	JAWATAN	EMEL
1	Badrul Hisham Bin Hussain	Ketua Bahagian	badrul@mbsa.gov.my
2	Muhammad Tawfik Bin Khar	Pegawai Penilaian	
3	Muhammad Muttakin Bin Mohd Amin	Pegawai Undang-Undang	
4	Wan Abdul Rahman Bin Abdul Latip	Penolong Jurutera	
5	Noor Nadia Binti Badrol Hisam	Penolong Senibina	
6	Rifana Bin Ab Razak	Penolong Pegawai Penilaian	rifana@mbsa.gov.my
7	Nurul Mardhiah Binti Mat Maidi	Penolong Pegawai Penilaian	
8	Nur Haffizah Binti Md Shah	Penolong Pegawai Penilaian	
9	Zaleha Binti Mohd. Ramli	Penolong Akauntan	zaleha_cob@mbsa.gov.my
10	Hafizol Bin Bahar	Penolong Pegawai Tadbir	
11	Farah Atiqah Binti Ramlan	Pembantu Penilaian	
12	Nur Azwa Binti Abd Aziz	Pembantu Penilaian	
13	Mohd Nazir Bin Sukaimi	Pembantu Tadbir	
14	Norazlin Binti Sani	Pembantu Operasi	
15	Mohammad Faizal Bin Jaji	Pemandu	

## 8. MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

BIL	NAMA	JAWATAN	EMEL
1	En Mohammad Zul Fiqah Bin Omar	Pen.Peg.Penilaian W29	fathir@mdks.gov.my
2	Pn.Noor Farhana Binti Sallehuddin	Pen.Akauntan W29	farhana@mdks.gov.my
3	Pn.Fadzilah Binti Abdul Rahman	Pen.Akauntan W29	fadzilah@mdks.gov.my
4	Pn.Nurfadillah Binti Suhadan	Pembantu Tadbir N19	nurfadillah@mdks.gov.my

## 9 .MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

BIL	NAMA	JAWATAN	EMEL
1	Muhammad Noor Isman Bin Ismail	W44	mnoorisman@mpaj.gov.my
2	Nur Adilah Binti Kamarzaman	L41	nuradilah@mpaj.gov.my
3	Asnor Zumairi Ishak	N29	asnor@mpaj.gov.my
4	Mohd Haniff Bin Che Mezam	W29	haniff@mpaj.gov.my
5	Mohd Hafiz Bin Noma Salim	W29	hafiz@mpaj.gov.my
6	Shahidah Binti Mohd Zaini	W29	shahidah@mpaj.gov.my
7	Amir Farhan Bin Zamri	W29	amirfarhan@mpaj.gov.my
8	Mohd Farhan Bin Fauzi	W29	farhan@mpaj.gov.my
9	Norsuriati Binti Rosli	W22	norsuriati@mpaj.gov.my
10	Meor Mohd Syafiq Bin Meor Rithuan	N19	meorsyafiq@mpaj.gov.my
11	Syahda Binti Shafie	N19	syahda@mpaj.gov.my
12	Nurul Syahirah Binti Mohamad	W19	nurulsyahirah@mpaj.gov.my
13	Saina Binti Sainawi	N11	saina@mpaj.gov.my
14	Mohammad Ariff Bin Zainal Azihar	H11	m.ariff@mpaj.gov.my
15	Nur Khaleelah Binti Abd. Kareem	N19	-
16	Khairil Syafiq Bin Abdullah	N19	-

## 10 .MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

BIL	NAMA	JAWATAN	EMEL
1	Nor Shabani Binti Johari	Pegawai Penilaian (W44)	<a href="mailto:norshabani@mbpj.gov.my">norshabani@mbpj.gov.my</a>
2	Maimanah Binti Zainal Abd Ghani	Penolong Pegawai Undang-Undang (L29)	<a href="mailto:maimanah@mbpj.gov.my">maimanah@mbpj.gov.my</a>
3	Norlinda Binti Che Nuh	Penolong Jurutera (Ja29)	<a href="mailto:norlinda@mbpj.gov.my">norlinda@mbpj.gov.my</a>
4	Kamarul Afizah Binti Muhammad Ariffin	Penolong Pegawai Penilaian (W29)	<a href="mailto:kamarulafizah@mbpj.gov.my">kamarulafizah@mbpj.gov.my</a>
5	Khairul Anwar Bin Mohamed Yusof	Penolong Pegawai Penilaian (W29)	<a href="mailto:khairulanwar.yusof@mbpj.gov.my">khairulanwar.yusof@mbpj.gov.my</a>
6	Azarinatul Azwani Binti Ibrahim	Penolong Pegawai Penilaian (W29)	<a href="mailto:azarinatul@mbpj.gov.my">azarinatul@mbpj.gov.my</a>
7	Nurul Safiah Binti Idris	Penolong Akauntan (W29)	<a href="mailto:nurulsafiah@mbpj.gov.my">nurulsafiah@mbpj.gov.my</a>
8	Mohd Zulhairi Bin Johar	Penolong Pegawai Tadbir (N29)	<a href="mailto:mohdzulhairi@mbpj.gov.my">mohdzulhairi@mbpj.gov.my</a>
9	Hanis Binti Hussin	Pembantu Akauntan (W19)	<a href="mailto:hanis.hussin@mbpj.gov.my">hanis.hussin@mbpj.gov.my</a>
10	Azila Binti Arbain	Pembantu Tadbir (N19)	<a href="mailto:azila_arbain@mbpj.gov.my">azila_arbain@mbpj.gov.my</a>
11	Mohd Zulhaitien Bin Abdul Rahim	Pembantu Operasi (N11)	<a href="mailto:mohdzulhaitien@mbpj.gov.my">mohdzulhaitien@mbpj.gov.my</a>

## 11 .MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

BIL	NAMA	JAWATAN	EMEL
1	Muhd Hasnizam Bin Hassan	Pengarah	<a href="mailto:Muhd.hasnizam@mps.gov.my">Muhd.hasnizam@mps.gov.my</a>
2	Mohd Yusnaidi Bin Salleh	Pen. Pegarah	<a href="mailto:yusnaidi@mps.gov.my">yusnaidi@mps.gov.my</a>
3	Siti Zunara Binti Dawam	Pen. Akauntan	<a href="mailto:zunara@mps.gov.my">zunara@mps.gov.my</a>
4	Mohd Khairulfaiz Bin Hairuddin	Pen. Peg. Penilaian	<a href="mailto:khairulfaiz@mps.gov.my">khairulfaiz@mps.gov.my</a>
5	Fadzilah Azreen Binti Md Johari	Pen. Peg. Penilaian	<a href="mailto:fadzilah.azreen@mps.gov.my">fadzilah.azreen@mps.gov.my</a>
6	Nurul Azreena Binti Ab. Salam	Pen. Peg. Penilaian	<a href="mailto:nurul.azreena@mps.gov.my">nurul.azreena@mps.gov.my</a>
7	Nur Hazimah Binti Haji Amer	Pen. Peg. Penilaian	<a href="mailto:nur.hazimah@mps.gov.my">nur.hazimah@mps.gov.my</a>
8	Ahmad Zulfadzlan Bin Kamaruddin	Pen. Peg. Penilaian	<a href="mailto:zulfadzlan@mps.gov.my">zulfadzlan@mps.gov.my</a>
9	Ahmad Suhail Bin Mohamed Ariffin	Pen. Peg. Penilaian	<a href="mailto:ahmad.suhail@mps.gov.my">ahmad.suhail@mps.gov.my</a>
10	Sharifah Khalthum Binti Sadiek Husin Shah	Pen. Peg. Tadbir	<a href="mailto:sharifah.khalthum@mps.gov.my">sharifah.khalthum@mps.gov.my</a>
11	Haidah Azwa Binti Hj.Mohd Arif	Pem. Tadbir	<a href="mailto:haidah.azwa@mps.gov.my">haidah.azwa@mps.gov.my</a>
12	Arief Afifi Bin Buyong	Pem. Tadbir	<a href="mailto:arief.afifi@mps.gov.my">arief.afifi@mps.gov.my</a>
13	Azhamudin Bin Norhatim	Pem. Penilaian	<a href="mailto:azhamudin@mps.gov.my">azhamudin@mps.gov.my</a>
14	Siti Norbaizura Binti Yahya	Pem. Penilaian	<a href="mailto:baizurayahya@mps.gov.my">baizurayahya@mps.gov.my</a>
15	Nor Husna Al Amani Binti Nordin	Pem. Penilaian	<a href="mailto:nor.husna@mps.gov.my">nor.husna@mps.gov.my</a>
16	Mohd Khairul Bin Anuar	Pem. Operasi	<a href="mailto:mkhairul@mps.gov.my">mkhairul@mps.gov.my</a>
17	Muhd Hasnizam Bin Hassan	Pem. Operasi	<a href="mailto:muhd.hasnizam@mps.gov.my">muhd.hasnizam@mps.gov.my</a>
18	Muhammad Mazwan Bin Amdan	Pem. Operasi	<a href="mailto:mazwan.amdan@mps.gov.my">mazwan.amdan@mps.gov.my</a>
19	Zulfahmi Bin Ahmad Zohri	Pem. Operasi	<a href="mailto:zulfahmi.zohri@mps.gov.my">zulfahmi.zohri@mps.gov.my</a>


## 12 .MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM

BIL	NAMA	JAWATAN	EMEL
1	Mohd Nabil Bin Mohd Sulaiman	Peg. Penilaian	
2	En Rufaizal Bin Mohamed	Pen. Peg. Penilaian	
3	En Mohd Ijzuan Bin Kamaruddin	Pembantu Tadbir	





# CARTA ORGANISASI UNIT PERUNDANGAN LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : PERKHIDMATAN BAS SMART SELANGOR DI KAWASAN YANG TIDAK  
ADA BAS MRT**

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah kerajaan mengadakan perkhidmatan bas Smart Selangor bagi kawasan Taman Matang Jaya dan Hospital Sungai Buloh ?

**JAWAPAN:**

- a) Tiada perkhidmatan bas Smart Selangor disediakan bagi kawasan Taman Matang Jaya dan Hospital Sungai Buloh akan tetapi perkhidmatan bas feeder percuma disediakan oleh pihak MRT bermula dari stesen MRT Sungai Buloh ke Hospital Sungai Buloh.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(N40 KOTA ANGERIK)**

**TAJUK : PEDULI SISWA**

124. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa ramai penerima Peduli Siswa Universiti Tempatan. Senaraikan mengikut universiti?
- b) Berapa ramai penerima Peduli Siswa Timur Tengah. Senaraikan mengikut Negara Jordan, Mesir dan Moroco?
- c) Berapa kos keseluruhan untuk skim ini telah dibelanjakan?

**JAWAPAN:**

- a) Berikut merupakan jumlah penerima dan anggaran jumlah perbelanjaan tahunan Peduli Siswa bagi Sesi Pertama tahun 2017 mengikut pecahan universiti:

<b>UNIVERSITI</b>	<b>JUMLAH PENERIMA</b>
Universiti Teknologi MARA Kampus Selangor	189
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	102
Universiti Putra Malaysia	53
Universiti Kebangsaan Malaysia	80
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>424</b>

- b) Proses penyaluran bantuan kepada penerima Peduli Siswa Timur Tengah telah dibuat secara berperingkat bermula 29 April 2017. Sehingga akhir Jun 2017, Urus Setia telah membuat bayaran kepada 443 pelajar seperti pecahan di bawah:

<b>NEGARA</b>	<b>PENERIMA</b>
Jordan	38
Mesir	400
Morocco	5
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>443</b>

Seramai 520 pelajar dalam pertimbangan Lembaga TKWBNS untuk menerima bantuan khas Siswa Selangor yang melibatkan perbelanjaan berjumlah **RM1,182,000.00**.

- c) Sehingga 30 Jun 2017, Lembaga Tabung Kumpulan Wang Biasiswa telah membelanjakan sebanyak **RM1,227,297** bagi pelaksanaan Program Khas Peduli Siswa dalam negara dan sebanyak **RM1,187,500** untuk Bantuan Khas Siswa Selangor (Timur Tengah).

Bantuan Khas Siswa Selangor kepada pelajar Timur Tengah adalah secara *one-off* dan dibayar secara berperingkat kepada penerima bermula April 2017.

Bagi penerima Pinjaman Pelajaran Boleh Ubah Peduli Siswa dalam negara pula, pembayaran dibuat sebanyak 2 kali setahun sehingga pelajar tamat pengajian mengikut kadar seperti berikut:

<b>Peringkat Pengajian</b>	<b>Kadar Setahun (RM)</b>
Diploma	4,900
Ijazah Sarjana Muda (Pelbagai)	6,500
Ijazah Perubatan	7,000

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : PRESTASI SEKTOR PERTANIAN**

125. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan nilai sumbangan semasa sektor pertanian terhadap perkembangan ekonomi negeri.
- b) Nyatakan produk-produk pertanian negeri kini yang berdaya maju?
- c) Apakah strategi dan program terkini untuk memajukan sektor pertanian negeri?

**JAWAPAN:**

- a) Sektor pertanian menyumbang sekitar 1.7 peratus kepada KDNK Negeri Selangor dengan nilai RM 2.8 billion.
- b) Produk-produk pertanian negeri yang berdaya maju adalah seperti berikut:
  - i. Buah-buahan seperti nangka, belimbing dan rock melon yang menjadi komoditi eksport utama buah-buahan Selangor yang mendapat pasaran di negara Eropah dan Timur Tengah.
  - ii. Pengeluaran sayur daun yang tertumpu di daerah Hulu Selangor, Klang dan Sepang yang membekal 30 peratus keperluan kepada Selangor dan Lembah Klang.
  - iii. Produk tanaman bunga dan hiasan landskap yang tertumpu di Hub Bunga Sungai Buloh terkenal di seluruh negara.
- c) Strategi dan program terkini untuk memajukan sektor pertanian di Selangor:
  - i. Memperkenalkan kaedah tanaman berteknologi tinggi seperti plant factory.
  - ii. Meningkatkan amalan teknologi tanaman secara fertigasi terutama bagi tanaman bernilai tinggi seperti cili dan rock melon.
  - iii. Membangunkan usahawan di kalangan belia melalui program inkubator belia tani, Agro Grenerasi Muda Selangor (Agrogems) dan latihan jangka panjang bagi kejenteraan pertanian.
  - iv. Meningkatkan pengeluaran dan pendapatan petani melalui program-program pembangunan sedia ada Jabatan Pertanian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : PROJEK TERBENGGALAI**

126. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan projek terbengkalai yang sedang dalam proses pemulihan.
- b) Nyatakan projek terbengkalai di dalam usaha mencari pemaju penyelamat.
- c) Adakah Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan terhadap pemaju penyelamat yang tidak membaik pulih projek terbengkalai dalam tempoh masa tertentu? Jika ya, nyatakan butir-butirnya

**JAWAPAN:**

a), b) Untuk makluman Yang Berhormat, berikut adalah senarai projek terbengkalai yang sedang dalam proses pemulihan sehingga Jun 2017 :

<b>BIL</b>	<b>PROJEK</b>	<b>PEMAJU ASAL</b>	<b>PEMAJU BARU</b>	<b>PBT</b>
1.	Projek Perumahan Rumah Kos Rendah, Jalan Pluto U5/158, Seksyen U5, Shah Alam	Tetuan Unique Creation Sdn. Bhd.	Tetuan ECL Management Sdn. Bhd.	MBSA
2	Projek Perumahan Teres Satu Taman Andaman 5, Seksyen 30, Shah Alam	Tetuan Andaman Timor Sdn. Bhd.	Tetuan Essential Construction & Trading Sdn Bhd	MBSA
3	Projek Pembinaan Pangsapuri Rimau Indah, Fasa 3, Mukim Klang, Daerah Klang	Tetuan Bukit Rimau Development Sdn. Bhd.	Tetuan Worldwide Holdings Berhad	MBSA

4	Projek Perumahan Taman Andaman Timor 3, Jalan Kebun, Daerah Klang, Shah Alam	Tetuan Andaman Timor Sdn. Bhd.	Tetuan Flora Holiday Sdn. Bhd.	MBSA
5	Projek Pembinaan Pangsapuri Kos Rendah dan Kos Sederhana Subang Bestari, Bandar Pinggiran Subang, Seksyen U4, Shah Alam, Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling	Tetuan Juta Permai Sdn. Bhd.	Tetuan Juta Permai Sdn. Bhd.	MBSA
6	Projek Perumahan Di U10 Height, Seksyen U10, Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling	Tetuan Restige Group Sdn. Bhd.	Tetuan Restige Group Sdn. Bhd.	MBSA
7	Projek Pembinaan Pangsapuri Gombak Perdana Villa 10 Tingkat	Tetuan Aga Development Sdn. Bhd.	Tetuan Stable Growth Sdn. Bhd.	MPS
8	Projek Astana Square Service Apartment	Tetuan Sedaya Sdn. Bhd.	Tetuan CRS Corporate Services Advisory Sdn. Bhd.	MPS
9	Rancangan Perkampungan Secara Berkelompok & Tersusun Kampung Kiai Hj. Arshad, Jalan Batu Arang Ke Batang Berjantai, Mukim Rawang, Daerah Gombak	Tetuan Aramin Sdn. Bhd.	Tetuan PKNS & Tetuan Grandmas Development Sdn Bhd	MPS
10	Cadangan Menyiapkan Rancangan Perumahan 1 Blok 10 Tingkat Dan 2 Blok 9 Tingkat Rumah Pangsa Kos Sederhana Kg. Pasir Tambahan Hulu Klang (Estana Court Condominium)	Tetuan Promista Development Sdn. Bhd.	Tetuan Caely (M) Sdn. Bhd.	MPAJ
11	Taman Kencana Fasa 3, Ampang	Tetuan Syarikat Jaya Kencana Sdn. Bhd.	Garden Meridian Sdn. Bhd.	MPAJ

12	Projek Pembinaan Pangsapuri Perkhidmatan Ukay Bestari,	Tetuan Damai Bistari Sdn. Bhd.	Tetuan KPMG	MPAJ
13	Projek Perumahan di Mukim Tanjung Duabelas, Daerah Kuala Langat	Tetuan Jamaras (M) Sdn. Bhd.	Tetuan Jamaras (M) Sdn. Bhd.	MDKL
14	Taman Desa Sri Saujana 1, Mukim Teluk Panglima Garang, Daerah Kuala Langat	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd.	Tetuan Excell Trillion Sdn. Bhd.	MDKL
15	Projek Perumahan Berkembar Setingkat, Mukim Teluk Panglima Garang, Daerah Kuala Langat	Tetuan SPS Setia Sdn. Bhd.	Tetuan Utas Johan Sdn. Bhd.	MDKL
16	Projek Perumahan Taman Tradisi Indah, Mukim Klang, Daerah Klang	Tetuan Fifth Marine Development Sdn. Bhd.	Tetuan Stevenzac Consulting Sdn. Bhd	MPK
17	Blok Pangsapuri Anggerik 5, Sungai Udang, Mukim Klang, Daerah Klang	Tetuan FSK Development Sdn. Bhd.	Tetuan FSK Development Sdn. Bhd.	MPK
18	Projek Perumahan Terbangkalai Apartment, Mukim Klang, Daerah	Tetuan Chong Hin Development Sdn Bhd	Tetuan Stevenzac Consulting Sdn. Bhd	MPK
19	Projek Perumahan Taman Sri Kencana, Mukim Kapar, Daerah Klang	Tetuan Hyrax Property & Dev. Sdn. Bhd.	Tetuan Faktor Aktif Sdn Bhd	MPK
20	Projek Perumahan Taman Setia Indah, Sungai Pinang, Pulau Indah, Mukim Klang	Tetuan SPS Setia Sdn. Bhd.	Tetuan Lestari Demensi Sdn Bhd	MPK
21	Projek Perumahan Taman Meru Ria 2, Jalan Belimbing, Meru, Mukim Kapar, Daerah Klang	Tetuan Hyrax Property & Dev. Sdn. Bhd.	Tetuan Ajma Resources Sdn. Bhd.	MPK



22	Pangsapuri Perkhidmatan Kos Tinggi (Platinum Damansara) Mukim Damansara, Daerah Petaling	Tetuan Dataran Mantin Sdn. Bhd.	Tetuan Pricewaterhouse Cooper Sdn. Bhd. / Tetuan Ferrier Hodgson Sdn. Bhd.	MBPJ
23	Pembangunan Pangsa Kos Rendah di Plot F, Mukim Petaling, Daerah Petaling	Tetuan Peter Brickworks Sdn. Bhd.	Tetuan Peter Brickworks Sdn. Bhd.	MBPJ
24	Projek Pembesaran Kampung, Kampung Bukit Kerayong, Mukim Jeram, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Bumi Circle Sdn. Bhd.	Tetuan Probil Industri (M) Sdn Bhd	MDKS
25	Taman Alam Mutiara, Rancangan Revolusi Hijau Peringkat 2 (RRHP II), Mukim Cherakah, Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor	Tetuan MZ Development Sdn. Bhd.	Tetuan Paragon Pinnacle Sdn. Bhd.	MDKS
26	Projek Perumahan Taman Sungai Yu Indah, Sungai Yu, Mukim Ujung Permatang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Syarikat Serambi Padu Sdn. Bhd.	Tetuan Syarikat Serambi Padu Sdn. Bhd.	MDKS
27	Projek Perumahan Taman Kelisa (Tambahan), Mukim Jeram, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Simpulan Cemerlang Sdn. Bhd. (Digulung)	Tetuan Sinadua Sdn. Bhd.	MDKS
28	Projek Perumahan Taman Seri Wangi, Mukim Tanjong Karang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan K.A Resources Sdn. Bhd.	Tetuan 99 Development Sdn. Bhd.	MDKS

29	Projek Perumahan Rumah Teres Kos Rendah Di Taman Damai (Taman Damai II), Tanjung Karang, Mukim Ujong Permatang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Koperasi Seri Kota Bukit Cherakah Sdn. Bhd.	Tetuan Ninth Sdn. Bhd.	MDKS
30	Projek Pembesaran Kampung, Taman Desa Mawar Kampung Sungai Yu, Mukim Ujong Permatang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Fokus Perkasa Sdn. Bhd.	Tetuan PKNS & Tetuan Grandmas Development Sdn Bhd	MDKS
31	Projek Pembesaran Kampung Desa Bukit Bujang, Kampung Ampang Pecah, Kuala Kubu Bharu, Daerah Hulu Selangor	Tetuan ARK Development Sdn. Bhd.	Tetuan ARK Development Sdn.Bhd	MDHS
32	Projek Perumahan Taman Lingkaran Nur, Batu 12, Jalan Cheras, Mukim Kajang	Tetuan Lingkaran Nur Sdn. Bhd.	Sinadua Sdn. Bhd.	MPKJ

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, berikut adalah senarai projek terbengkalai yang masih di dalam usaha mencari pemaju penyelamat sehingga Jun 2017 :

<b>BIL</b>	<b>PROJEK</b>	<b>PEMAJU</b>	<b>PBT</b>
1	Projek Perumahan Taman Desa Sri Baiduri, Jalan Kebun, Mukim Klang	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd (Digulung)	MBSA
2	Projek Perumahan Taman Qismul (Jenis Maya 02), Jalan Kebun, Mukim Klang,	Tetuan SPS Setia Sdn. Bhd	MBSA
3	Taman Muhamad 2, Kampung Lombong, Mukim Klang, Daerah Klang,	Tetuan SPS Setia Sdn. Bhd.	MBSA
4	Pangsapuri Kos Rendah Sri Bunga Raya, Seksyen U19, Shah Alam	Tetuan Atlaw Housing Sdn. Bhd. (Digulung)	MBSA
5	Taman Desa Sri Jentayu 1, Mukim Telok Panglima Garang, Daerah Kuala Langat	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd.	MDKL
6	Taman Visi Nusa, Bukit Changgang, Mukim Tanjung Dua Belas , Kuala Langat	Tetuan Visi Nusa Corporation Sdn. Bhd.	MDKL
7	Taman Sijangkang Perdana, Telok Panglima Garang, Daerah Kuala Langat	Pemaju - Tetuan Atlaw Housing Sdn. Bhd.(Digulung)	MDKL
8	Projek Perumahan Lot Banglo, Jalan Manggis, Batu 9, Kuala Langat	Tetuan Reap & Rich Worldwide Holding Sdn. Bhd.	MDKL
9	Taman Desa Perwira, Mukim Tanjung Duabelas, Daerah Kuala Langat	Tetuan Syahira Development Sdn. Bhd. (Digulung)	MDKL
10	Taman Desa Lestari, Bukit Kemandol, Mukim Teluk Panglima Garang, Daerah Kuala Langat	Tetuan Lasah Emas Sdn. Bhd.	MDKL
11	Taman Langat Utama 3, Rancangan Tanah Belia Bukit Changgang, Mukim Tanjung Dua	Tetuan Dahria Corporation Sdn. Bhd	MDKL

	Belas, Daerah Kuala Langat		
12	Projek Perumahan Rumah Berkembar Setingkat, Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat	Tetuan Sure Meridien Sdn. Bhd.	MDKL
13	Taman Desa Sri Permai 2, Mukim Teluk Panglim Garang	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd (Digulung)	MDKL
14	Taman Saujana Panglima, Sijangkang, Mukim Bandar Sijangkang, Daerah Kuala Langat	Tetuan Syahira Development Sdn. (Digulung) Bhd. & Tetuan Syahira Properties Sdn Bhd	MDKL
15	Taman Mutiara, Jalan Tebuk Supar, Mukim Sabak, Daerah Sabak Bernam	Tetuan Syahira Development Sdn. Bhd. (Digulung)	MDSB
16	Taman Sri Aman, Kampung Idaman, Mukim Klang, Daerah Klang	Tetuan Integrated Land Resources Sdn. Bhd.	MPK
17	Pangsapuri 6 Tingkat, Jalan Dato' Amar, Klang	Tetuan Marl One Development Sdn. Bhd.	MPK
18	Projek Pembangunan Bercampur, Mukim Klang, Daerah Klang	Tetuan Perkasa Indera Sdn. Bhd.	MPK
19	Taman Bukit Kapar, Mukim Klang, Daerah Klang	Tetuan Decor Mewah Sdn. Bhd.	MPK
20	Taman Hijrah 2, Jalan Tarmizi, Rantau Panjang, Mukim Kapar, Daerah Klang	Tetuan Lembah Jejak Sdn. Bhd.	MPK
21	Taman Mutiara, Pulau Indah, Daerah Klang	Tetuan Simpulan Cemerlang Sdn. Bhd. (Digulung)	MPK
22	Pangsapuri Yamin Height, Pulau Indah, Daerah Klang	Tetuan Simpulan Cemerlang Sdn. Bhd. (Digulung)	MPK
23	Indah Height, Pulau Indah, Daerah Klang	Tetuan Simpulan Cemerlang Sdn. Bhd. (Digulung)	MPK
24	Desa Bukit Delima, Mukim Kapar, Daerah Klang	Tetuan Atlaw Housing Sdn. Bhd. (Digulung)	MPK
25	Projek Perumahan, Jalan Dusun Meru, Mukim Kapar, Daerah Klang	Tetuan Ikhtiar Corporation Sdn. Bhd.	MPK
26	Taman Desa Sri Nilam, Pulau Indah, Mukim Klang, Daerah Klang	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd.	MPK

27	Taman Desa Sri Siantan, Mukim Kapar, Daerah Klang	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd.	MPK
28	Desa Sri Damai 3, Mukim Kapar, Daerah Klang	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd.	MPK
29	Projek Perumahan Telok Gadong, Mukim Klang, Daerah Klang	Tetuan Lurah Pantas Sdn. Bhd.	MPK
30	Taman Andaman 2, Kampung Nelayan, Telok Gong, Mukim Klang, Daerah Klang	Tetuan Andaman Timor Sdn. Bhd.	MPK
31	Taman Cahaya, Batu 5 1/2, Jalan Meru, Mukim Kapar, Klang	Tetuan Simpulan Cemerlang Sdn. Bhd. (Digulung)	MPK
32	Taman Meru 1, Jalan Kopi, Meru, Mukim Kapar, Daerah Klang	Hyrax Property & Dev. Sdn. Bhd. (nama lama) Binalif Bina Sdn. Bhd. (nama baru)	MPK
33	Taman Desa Kencana, Mukim Kapar, Daerah Klang	Suasana Ehsan Sdn. Bhd.	MPK
34	Taman Desa Pelangi, Mukim Kapar, Daerah Klang	Syahira Development Sdn. Bhd. (Digulung)	MPK
35	Taman Desa Maru, Mukim Kapar, Daerah Klang	Syahira Development Sdn. Bhd. (Digulung)	MPK
36	Pangsapuri Topaz & Pangsapuri Krystal, Selayang Mutiara, Bukit Botak, Mukim Batu, Daerah Gombak	Tetuan Delpuri Corporation Sdn. Bhd.	MPS
37	Pangsapuri Kos Rendah (Taman Bayu), Mukim Setapak, Daerah Gombak	Tetuan Tegoh Timber & Properties Sdn. Bhd.	MPS
38	Taman Jasa Murni, Sungai Tua, Mukim Batu, Daerah Gombak	Tetuan Intelligent Mission Sdn. Bhd.	MPS
39	Taman Pusu, Mukim Setapak, Daerah Gombak	Tetuan Q-Vista Sdn. Bhd	MPS
40	Taman Garing, Mukim Rawang, Daerah Gombak	Tetuan Q-Vista Sdn. Bhd	MPS
41	Bangunan Pusat Membeli Belah, Mukim Petaling, Daerah Petaling.	Tetuan Serdang Plaza Baru Sdn. Bhd	MPSJ
42	Perumahan Desa Beruntung, RKR	Tetuan Prospell Development	MDHS

	Setingkat, Mukim Ulu Yam, Daerah Hulu Selangor	Sdn. Bhd. (Digulung)	
43	Projek Perumahan Taman Lembah Beringin, PT 610, 6502, 863 & 864, Jalan Kerling, Mukim Sungai Gumut, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Lembah Beringin Sdn. Bhd. (Digulung)	MDHS
44	Projek Perumahan Bandar Baru Serendah, Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Manco Sdn. Bhd.	MDHS
45	Projek Pembesaran Kampung Melayu Rasa, Jalan Ampang Pechah, Mukim Rasa, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Litar Jaya Sdn. Bhd. (Digulung)	MDHS
46	Projek Pembesaran Kampung Koskan, Sungai Choh, Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Ehsanibu Sdn. Bhd.	MDHS
47	Projek Perumahan Bukit Sentosa 3, Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Maxisegar Sdn. Bhd.	MDHS
48	Projek Pembesaran Kampung Desa Beringin, Kampung Jawa, Mukim Kerling, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Modulex Sistem (M) Sdn. Bhd.	MDHS
49	Projek Perumahan The Genting Valley, Jalan Desa Rening, Mukim Batang Kali, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Jade San Reality Sdn. Bhd. (Digulung)	MDHS
50	Projek Pembesaran Kampung Mukim Serendah (Serendah Perdana), Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor	Tetuan Kamsu Sdn. Bhd.	MDHS
51	Projek Erina Heights, Mukim Ulu Yam, Daerah Ulu Selangor	Tetuan Coral Vista Sdn. Bhd	MDHS
52	Projek Perumahan Mukim Batang Kali, Daerah Hulu Selangor	Peninsular Park Sdn. Bhd. (Digulung)	MDHS

53	Taman Impiana, Kampung Baru Sejantung, Mukim Kuala Kalumpang, Daerah Ulu Selangor	Oridua Construction Sdn. Bhd.	MDHS
54	Taman Delima Merah, Jalan Lintang, Kampung Tengah, Daerah Kuala Selangor	Syahira Development Sdn. Bhd	MDKS
55	Rumah Pangsa Kos Sederhana Ukay Indah Kondominium di Sg. Sering, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak	Scenic Marina Sdn. Bhd.	MPAJ
56	Taman Serosa Kajang, Mukim Kajang, Hulu Langat.	Tetuan Serosa Resources Sdn. Bhd. (Digulung)	MPKj
57	Projek Perumahan Bandar Puncak Damai Semenyih (Bandar Putri Jaya), Mukim Ulu Semenyih, Daerah Hulu Langat	Tetuan Duta Nilai Sdn. Bhd. (Digulung)	MPKj
58	Projek Perumahan di Taman Padang Tembak, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Happy Home Development Sdn. Bhd.	MPKj
59	Projek Perumahan di Taman Semenyih Jaya, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Ample Development Sdn. Bhd.	MPKj
60	Projek Perumahan Taman Titiwangsa (Pembesaran Kg.) Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Imbuhan Murni Sdn. Bhd.	MPKj
61	Taman Sri Raya, Batu 9, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat	Tetuan Kausar Corporation Sdn. Bhd. (Digulung)	MPKj
62	Projek Perumahan Taman Ilham Perdana Sejoli, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat	Tetuan Ukiran Mutu Sdn. Bhd.	MPKj
63	Projek Perumahan Evergreen Homes, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat	Tetuan Averise Acres Holdings Sdn. Bhd	MPKj
64	Taman Nusa Lestari, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat	Kamara Land Sdn. Bhd.	MPKj
65	Projek Perumahan Desa Seri Tekali, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat	Tetuan Anglo Properties Sdn. Bhd.	MPKj

66	Projek Perumahan Dusun Damai, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat	Tetuan Anjung Properties Sdn. Bhd.	MPKj
67	Projek Perumahan Seri Setia Height, Mukim Labu, Daerah Sepang	MBO Mega Development	MPSp
68	Projek Perumahan Taman Desa Sinar Salak, Mukim Labu, Daerah Sepang	Ikatan Darma Sdn. Bhd.	MPSp
69	Projek Perumahan Desa Meranti, Mukim Dengkil, Daerah Sepang	Karisma Housing Development Sdn. Bhd.	MPSp
70	Projek Perumahan Taman Indera Indah, Mukim Dengkil, Daerah Sepang	Teratai Seroja Corporation Sdn. Bhd.	MPSp
71	Projek Perumahan Taman Desa Salak Gemilang (Fasa 2), Mukim Labu, Daerah Sepang	MBO Mega Development	MPSp
72	Projek Perumahan Terbengkalai Taman Salak Idaman, Mukim Labu, Daerah Sepang	Tetuan Rantai Bumi (M) Sdn. Bhd. (Digulung)	MPSp
73	Projek Perumahan Taman Desa Utama, Sungai Merab, Sepang	Tetuan Aras Dimensi Sdn Bhd (Digulung)	MPSp

- b) Untuk makluman Yang Berhormat juga, tiada sebarang tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap pemaju penyelamat di atas kegagalan mereka yang tidak dapat membaik pulih projek terbengkalai dalam tempoh masa tertentu kerana tiada penglibatan Kerajaan Negeri dalam urusan perlantikan pemaju penyelamat sebaliknya urusan tersebut dibuat diantara Pemaju Penyelamat dengan pembeli terlibat dan pihak pelikuidasi. Ini kerana pihak Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) bertindak sebagai pemudah cara dalam membantu membincangkan berkenaan kaedah-kaedah serta mencari jalan penyelesaian bagi setiap projek perumahan terbengkalai bersama-sama pihak-pihak berkepentingan dalam usaha menyelesaikan projek terbengkalai di Selangor.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL  
(N29 SERI SERDANG)**

**TAJUK : PROSES PERMOHONAN MENDAPATKAN GERAN KEKAL**

127. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa lamakah masa yang akan diambil untuk proses permohonan mendapatkan geran kekal?

**JAWAPAN:**

a)



1. Dalam keadaan yang biasa di mana semua keperluan maklumat dan dokumentasi telah lengkap, tempoh masa yang diambil untuk proses pengeluaran geran kekal(hakmilik muktamad) adalah 3 bulan dengan mengambil kira proses-proses seperti lawatan tapak, semakan fail, pengesahan Pelan Akui, pemadanan (*matchmaking*) pelan hakmilik dan pendaftaran hakmilik muktamad.
2. Pengeluaran hakmilik muktamad adalah penting kerana dengannya semua sempadan tanah dapat dimuktamadkan dan pembangunan tanah dapat dijalankan untuk menjana pertumbuhan ekonomi Negara.
3. Penukaran hakmilik sementara kepada hakmilik muktamad hendaklah diselesaikan tanpa mengambil kira sama ada ada atau tiada desakan dari pemilik tanah kerana menjadi tanggungjawab PTG/Pentadbir Tanah memandangkan pemilik tanah telah menjelaskan bayaran upah ukur kepada Pejabat PTD/PTJ atau Jurukur Tanah Berlesen (JTB).
4. Untuk makluman, PTD dan PTGS telah menyelesaikan tunggakan pengeluaran hakmilik muktamad dari tahun 2003 hingga kini sebanyak **389,650** hakmilik. Tunggakan ini berpunca daripada maklumat dan dokumen yang tidak lengkap dan fail tersebut perlu disemak semula ke PTD bagi mendapatkan maklumat dan dokumen yang lengkap

5. Pasukan Petugas Khas JKPTG (PPK JKPTG) telah ditubuhkan pada 1 Februari 2004 selaras dengan Perakuan 22 yang dikeluarkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) di bawah strategi Baru Urusan Pentadbiran Tanah dalam usaha menangani dan menyelesaikan tunggakan pendaftaran hakmilik muktamad terutamanya di negeri Selangor. Beberapa langkah proaktif telah dilaksanakan oleh PPK JKPTG termasuklah Operasi Mengesan Fail (OMF) bagi memproses permohonan hakmilik muktamad di Pejabat Tanah dan Daerah seluruh negeri Selangor dan seterusnya memberikan pulangan hasil kepada Kerajaan Negeri melalui bayaran borang Notis 5F.
  
6. Bahagian Pendaftaran Hakmilik (Unit QTFT) mula mengambil alih tugas tersebut sepenuhnya pada bulan Ogos 2016 memandangkan perkhidmatan PPK JKPTG berakhir pada 31 Disember 2016. Oleh yang demikian, urusan pendaftaran hakmilik muktamad telah dilaksanakan sepenuhnya oleh PTGS dan PTD.

**PROSES KERJA PENUKARAN HAKMILIK SEMENTARA KE HAKMILIK MUKTAMAD**

**(QT-FT)**

<b>BIL</b>	<b>PROSES KERJA</b>	
	<b>TINDAKAN PEJABAT TANAH DAN DAERAH (PTD)</b>	<b>TEMPOH MASA</b>
1.	Menerima Borang Pengesahan Ukur, Pelan Akui (P.A) dan B1 Tiff daripada JUPEM	60 Hari   14 hari
2.	Mengagihkan fail kepada unit Teknikal untuk suai padan pertama ( <i>matchmaking</i> )	
3.	Menyemak fail permohonan, membuat Borang Permintaan Geran (R.T), membuat proses pepadanan pelan hakmilik (B1Tiff) dan minit ke PTGS.	
4.	Fail permohonan dihantar ke PTGS.	
	<b>TINDAKAN PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR (PTGS)</b>	
1.	Menerima dan merekod fail permohonan pendaftaran QTFT dari PTD.	1 hari
2.	Menyemak fail permohonan daripada PTD, Borang Permintaan Geran (R.T), Pelan Akui (PA) dan pelan hakmilik (B1Tiff). Menyemak rekod hakmilik melalui SPTB.	
3.	Mengagihkan fail kepada unit teknikal untuk dibuat pepadanan ( <i>matchmaking</i> )	
4.	Unit Teknikal membuat suai padan hakmilik dan pelan.	3 hari
5.	Menerima semula fail dari Unit	

	<p>Teknikal selepas <i>matchmaking</i> dibuat (semakan terakhir) dan diserahkan kepada Unit Kemasukan .</p>	
6.	<p>Jika sesuatu kawasan yang telah dinaiktaraf sebagai contoh Mukim dinaiktaraf ke Bandar, unit kemasukan perlu membuat kemasukan naiktaraf kawasan dibuat terlebih dahulu sebelum kemasukan data pengeluaran FT dibuat.</p>	 <p>1 hari</p>
7.	<p>Mengenalpasti syarat nyata tanah untuk mengetahui kadar cukai yang perlu dikenakan ke atas hakmilik tersebut.</p>	
8.	<p>Menjana Perserahan untuk dibuat kemasukan data untuk pengeluaran FT</p>	
9.	<p>Fail diagihkan kepada Pendaftar untuk didaftarkan bagi pengeluaran FT.</p>	
10.	<p>Pendaftar menyemak draf kemasukan pengeluaran FT. Mendaftar perserahan dan mencetak, menandatangani Notis 5F FT dan pelan B1Tiff.</p>	 <p>1 hari</p>

11.	Menyerah fail kepada Unit Isihan untuk membuat isihan dokumen (hakmilik dan pelan) dan membuat senarai hakmilik dan minit pemulangan fail kepada PTD.	1 hari
-----	---	--------

**JUMLAH TUNGGAKAN HAKMILIK SEMENTARA YANG BELUM DI BUAT  
HAKMILIK KEKAL**

<b>BIL</b>	<b>PTD</b>	<b>JUMLAH HAKMILIK (HSD) DIDAFTARKAN</b>	<b>JUMLAH HS(D) YANG DIDAFTARKAN KEPADA GRN/PN</b>	<b>BAKI TUNGGAKAN HSD</b>
1	<b>KLANG</b>	142,396	64,564	77,832
2	<b>KUALA SELANGOR</b>	43,857	14,223	29,634
3	<b>KUALA LANGAT</b>	38,251	21,924	16,327
4	<b>SABAK BERNAM</b>	6,410	3,621	2,789
5	<b>ULU LANGAT</b>	158,888	70,213	88,675
6	<b>PETALING</b>	290,472	130,295	160,177
7	<b>ULU SELANGOR</b>	52,616	30,991	21,625
8	<b>GOMBAK</b>	78,246	31,826	46,420
9	<b>SEPANG</b>	43,302	21,993	21,309
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>854,438</b>	<b>389,650</b>	<b>464,788</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN GAN PEI NEI  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : DASAR KITAR SEMULA SELANGOR**

128. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pelan tindakan dan sasaran di bawah Dasar Kitar Semula Selangor?
- b) Senaraikan jumlah hasil kitar semula mengikut jenis bahan mengikut pecahan PBT.
- c) Senarai PBT yang telah menjalankan polisi pengasingan sisa pepejal untuk dikitar semula.

**JAWAPAN:**

- a) Usaha untuk mewujudkan Dasar Pengasingan Sisa Pepejal atau Dasar Kitar Semula adalah sesuatu yang sangat baik dan tidak harus diketepikan. Namun begitu, pada masa ini, pihak Kerajaan Negeri belum mempunyai pelan tindakan dan sasaran spesifik berkaitan Dasar Kitar Semula Selangor.

Untuk menuju ke arah itu, pihak Kerajaan Negeri akan terus mempergiatkan kempen-kempen dan program-program seperti program kitar semula yang berunsurkan pendidikan dan kesedaran melalui Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor demi melestarikan kehidupan rakyat dan kesejahteraan alam sekitar.

Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan Projek Perintis Kitar Semula di empat (4) buah PBT, iaitu MBPJ, MPAJ, MPKj dan MDHS pada tahun 2015. Berdasarkan Projek Perintis Kitar Semula ini, MBPJ dan MBSA telah dipilih untuk menjadi perintis bagi merangka Pelan Tindakan Kitar Semula berskala kecil.

MBSA juga telah melaksanakan fasa pertama program pengasingan sisa dari rumah pada tahun 2015 yang melibatkan sejumlah 1,869 buah rumah teres.

Pada tahun 2016, pihak MBSA telah meluaskan lagi program tersebut ke lima (5) lokasi dan mendapat penyertaan daripada 3,500 unit rumah teres.

Pada tahun 2017, MBSA bercadang untuk melaksanakan program pengasingan sisa dari rumah untuk kawasan kediaman bertingkat jenis kos rendah, Terdapat sejumlah 132 pangsapuri jenis kos rendah di Shah Alam.

MBSA juga telah merangka Pelan Tindakan Kitar Semula 5 tahun dengan sasaran penurunan jumlah sampah sebanyak 10% dan peningkatan kadar 5% kitar semula isi rumah setiap tahun bermula tahun 2017 hingga tahun 2021.

Manakala MBPJ pula telah mensasarkan sebanyak 7,000 buah rumah bagi program pengasingan sisa pepejal di rumah kediaman. Setakat Jun 2017, sebanyak 1,500 buah rumah telah menyertai program tersebut. Oleh itu, MBPJ akan meneruskan pelaksanaan sepenuhnya dengan mengagihkan tong sampah MGB120 liter secara percuma kepada setiap pemilik rumah sebelum hujung tahun 2017 dan dijangkakan pelaksanaan program pengasingan sisa pepejal di rumah kediaman akan bermula pada pertengahan tahun 2018.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Pengguna Negeri Selangor telah mengadakan **Karnival Kepenggunaan Negeri Selangor** yang akan diadakan di setiap kawasan PBT dengan objektif utama mendidik rakyat mengamalkan budaya pengasingan bahan kitar semula. Antara pengisian program ini adalah:-

- i) Taklimat Kepenggunaan;
- ii) Pameran Kitar Semula;
- iii) Pertandingan Reka Cipta Dari Barangan Terbuang;
- iv) Demonstrasi Kitar Semula;
- v) Menjalankan kempen-kempen seperti Hari Tanpa Beg Plastik; Pengurangan Penggunaan Bahan Polistirin; Kitar Semula Minyak Masak; dan
- vi) Program 3R.

Pada masa yang sama, bagi mengurangkan kebergantungan pelupusan sampah di tapak pelupusan, Kerajaan Negeri melalui anak syarikat Kerajaan Negeri iaitu Worldwide Holdings Berhad (WHB) sedang dalam usaha untuk membangunkan *Integrated Solid Waste Management Centre* (ISWMC) bersebelahan dengan Tapak Pelupusan Sanitari Jeram (TPSJ) Kuala Selangor. ISWMC ini merupakan satu sistem pelupusan dan rawatan sisa pepejal yang menyeluruh merangkumi fasiliti atau kemudahan seperti berikut:

- i) Loji *Waste To Energy* (WTE);
- ii) Loji Kitar Semula;
- iii) Loji Pencernaan Anerobik (AD);
- iv) Loji Kompos;
- v) Loji Kitar Semula Sisa Binaan; dan
- vi) Pusat Penyelidikan & Pembangunan

Dengan adanya ISWMC ini, sisa pepejal yang dihasilkan di Negeri Selangor bukan hanya dilupuskan, tetapi juga akan menjadi sumber kepada tenaga elektrik, penghasilan baja, kutipan barangan kitar semula dan lain-lain yang dapat menambah nilai kepada aktiviti ekonomi Negeri Selangor.

- b) Jumlah keseluruhan bahan-bahan asas kitar semula adalah kertas, plastik, kaca dan logam. Senarai bahan asas kitar semula yang telah direkodkan oleh PBT Negeri Selangor bagi tahun 2016 adalah seperti berikut:-

- i) **Kertas: 22,756,552.34 kg;**
- ii) **Logam: 19,693,278.77 kg;**
- iii) **Plastik: 2,072,729.75 kg;**
- iv) **Kaca: 935,977.78 kg;** dan
- v) **Lain-lain bahan kitar semula** (kain, elektronik dan perabot) sebanyak **1,541,363.73 kg.**

Manakala pecahan kuantiti bahan kitar semula mengikut PBT adalah seperti butiran berikut:-

PBT	KUANTITI BAHAN ASAS KITAR SEMULA (KG)				
	KERTAS	KACA	PLASTIK	LOGAM	LAIN-LAIN
MBSA	186,280.80	63,608.10	77,238.40	59,064.70	131,759.60
MBPJ	3,457.00	932.20	1,928.60	587.80	-
MPSJ	20,527,598.69	301,782.88	1,009,968.68	17,182,008.99	-
MPS	69,466.80	-	5,785.80	3,509.65	-
MPKj	5,038.00	-	922.00	176.90	-
MPK	2,344.00	-	395.00	135.00	-
MPAJ	1,891,686.35	550,818.00	932,823.97	2,432,619.53	1,396,509.13
MPSp	377.70	11.60	138.30	105.20	-
MDKS	39,121.00	18,251.00	31,287.00	9,121.00	-
MDKL	18,570.00	-	5,115.00	3,040.00	-
MDSB	9,268.00	-	6,271.00	2,638.00	-
MDHS	3,344.00	574.00	856.00	272.00	13,095.00



<b>JUMLAH</b>	<b>22,756,552.34</b>	<b>935,977.78</b>	<b>2,072,729.75</b>	<b>19,693,278.77</b>	<b>1,541,363.73</b>
---------------	----------------------	-------------------	---------------------	----------------------	---------------------

c) Kerajaan Negeri Selangor sentiasa menyokong usaha PBT Negeri Selangor dalam melaksanakan dasar kitar semula di kawasan pentadbiran masing-masing. Selain daripada MBSA dan MBPJ yang dinyatakan tadi, berikut merupakan usaha PBT Negeri Selangor dalam menjalankan polisi pengasingan sisa pepejal untuk dikitar semula, iaitu:-

i) **MPSJ**

- a. Menjalankan program pengasingan sisa pepejal melibatkan medan selera awam bermula tahun 2008;
- b. Melaksanakan program kesedaran dan program kitar semula peringkat sekolah pada tahun 2013;
- c. Melaksanakan program kitar semula di kawasan perumahan teres Bandar Bukit Puchong pada tahun 2014; dan
- d. Melaksanakan program kitar semula dengan pihak komersil seperti Hotel Grand Dorsett, Subang dan pasaraya Giant pada tahun 2015.

ii) **MPS**

- a. Melaksanakan pengasingan sisa pepejal untuk dikitar semula di Pejabat Kerajaan dan gerai Majlis di Bandar Baru Selayang bermula tahun 2015 dan 2016; dan
- b. Melaksanakan program kitar semula di kawasan perumahan di Persiaran 2, Bandar Baru Selayang pada tahun 2017.

iii) **MPK**

- a. Memperkenalkan dan mempromosikan aplikasi pintar digital iaitu **ecoGen Klang** bagi memudahkan penduduk setempat mengetahui status tahap kitar semula yang telah dilaksanakan dan sistem. Aplikasi ini turut membantu penduduk membuat penandaarasan dengan penduduk yang lain bagi mendapatkan pakej insentif yang disediakan oleh pihak MPK.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : KES PENDERAAN KANAK-KANAK DI SELANGOR**

129. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah kes penderaan kanak-kanak yang telah dilaporkan dari 2014-2016?
- b) Apakah peranan Kerajaan Negeri bagi membendung masalah ini?
- c) Nyatakan jumlah peruntukan untuk program kesedaran sekiranya ada?

**JAWAPAN:**

- c) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Selangor menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) adalah bertanggungjawab dalam memastikan kesejahteraan kanak-kanak dengan melindungi mereka dari penderaan melalui peruntukan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001.

Statistik tahun 2014 hingga tahun 2016 menunjukkan bahawa jumlah penderaan fizikal, emosi dan seksual terhadap kanak-kanak di negeri Selangor adalah berjumlah 2,211 kes seperti pecahan berikut:

<b>Jenis Penderaan</b>	<b>2014</b>	<b>2015</b>	<b>2016</b>	<b>JUMLAH</b>
Fizikal	563	388	410	<b>1,361</b>
Emosi	39	22	35	<b>96</b>
Seksual	290	236	228	<b>754</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>892</b>	<b>646</b>	<b>673</b>	<b>2,211</b>

*Sumber: Bahagian Kanak-Kanak, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor*

- d) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui JKM bertanggungjawab untuk menyelamatkan kanak-kanak yang terlibat dalam kes penderaan seperti yang termaktub dalam Akta Kanak-Kanak 2001. JKM akan memastikan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan diselamatkan daripada kes penderaan dan seterusnya memberi perlindungan kepada kanak-kanak. Selain daripada itu, JKM juga menyediakan khidmat kaunseling kepada kanak-kanak dan keluarga yang terlibat sekiranya memerlukan.
- e) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri dan JKM juga telah melaksanakan beberapa siri program kesedaran sepanjang tahun 2016 dan 2017 bagi meningkatkan kesejahteraan kanak-kanak: Antara program yang telah dilaksanakan dan jumlah peruntukan adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>PROGRAM</b>	<b>PERUNTUKAN (RM)</b>
1.	Seminar Literasi Media untuk Perlindungan Kanak-kanak	41,500
2.	Seminar Hak dan Keselamatan Kanak-kanak	76,050
3.	Siri Kursus Intensif Perkembangan Kanak-kanak (KIPK)	105,000
4.	Program "Big Girls Talk"	65,320
5.	Program Selangor Kids Volunteerism	40,000
6.	Kempen Keselamatan Kanak-Kanak Di Sekolah Sahabat Bijak: Safe & Protect	5,000
7.	Program Kecerdasan Emosi	2,000
8.	Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak (PPKK)	119,000
9.	Program <i>Smart Parenting</i>	9,000
<b>JUMLAH</b>		<b>462,870</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SZE HAN  
(N30 KINRARA)**

**TAJUK : BANGUNAN YAYASAN SELANGOR BUKIT BINTANG**

130. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status pembangunan semula Bangunan Yayasan Selangor Bukit Bintang.
- b) Apakah punca utama pembangunan semula tidak mengikut jangka masa yang ditetapkan?
- c) Berapakah pendapatan bulanan yang boleh dijanakan dengan keadaan semasa bangunan?

**JAWAPAN:**

- a) Yayasan Selangor menjalankan proses RFP bagi melaksanakan projek pembangunan semula bagi jangka panjang. Pihak pengurusan menjangkakan akan menganugerahkan projek ini kepada pemaju yang berjaya selewat-selewatnya pada akhir tahun ini.
- b) Pihak pengurusan Yayasan Selangor perlu mengambil masa untuk membuat kajian dan penilaian yang teliti sebelum melaksanakan proses lantikan pemaju.
- c) Peratus penyewaan sehingga kini adalah 6.3% dengan keluasan yang disewakan seluas 6,717 kaki persegi melibatkan keseluruhan tingkat bawah. Sewaan jangka pendek secara kontrak bulanan ini memberikan jumlah pendapatan bulanan RM 73,810.99. Sewaan ruang iklan bangunan sebanyak RM 71,726.00 sebulan. dan tempat letak kereta sebanyak RM17,490.00 sebulan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(N20 LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : CUKAI PELANCONGAN**

131. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bersetuju pelaksanaan cukai pelancongan yang ingin dikuatkuasakan kerajaan pusat kini?
- b) Apakah kesan cukai ini terhadap kemajuan pelancongan di Selangor?

**JAWAPAN:**

a) & b)

Kerajaan Negeri masih tidak menerima apa-apa maklumat lanjut berkaitan pelaksanaan Cukai Pelancongan oleh Kerajaan Pusat di Negeri Selangor. Tiada sesi taklimat dan penerangan lengkap yang dijalankan oleh pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Kastam Negara mengenai perkara ini.

Secara dasarnya, Kerajaan Negeri tidak bersetuju dengan pelaksanaan cukai pelancongan ini mengikut beberapa perkara seperti berikut:-

- i) Memberi impak kepada keadaan ekonomi semasa negara.**
  - a) Cukai tersebut diperkenalkan Malaysia pada waktu tidak sesuai kerana industri pelancongan negara sedang meningkat manakala inflasi berada pada paras tinggi.
  - b) Pengenalan cukai ini juga berisiko melembapkan aktiviti ekonomi dan menjejaskan pendapatan rakyat terutamanya peniaga Industri Kecil Sederhana (IKS) yang membantu dalam menyumbang di dalam peningkatan ekonomi dalam industri pelancongan.
  - c) Pihak kerajaan perlu menjalankan kajian dengan lebih terperinci lagi khusus bagi mengetahui mengenai kesan berangkai daripada perlaksanaan cukai pelancongan terbabit terutamanya terhadap industri – industri tempatan yang mempunyai kaitan dengan industri pelancongan.

- d) Kajian boleh dilakukan melalui kerjasama dengan badan – badan bukan kerajaan yang berkaitan (NGO) serta pakar – pakar industri pelancongan dan ekonomi bagi memastikan, pelaksanaan cukai pelancongan terbabit tidak membawa kesan negatif yang teruk terhadap pihak industri tempatan yang bergantung hidup terhadap industri pelancongan negara.

**ii) Kenaikan kos lawatan untuk melancong**

- a) Pengenalan cukai tersebut menyebabkan kenaikan yang mendadak bagi pelbagai kos yang melibatkan elemen percutian seperti kos penginapan, pakej lawatan, acara berkumpulan (MICE) dan kos pengangkutan.
- b) Hal ini juga menjejaskan lawatan untuk para pelancong yang sudah menempah lawatan perjalanan dan percutian mereka di Malaysia dengan lebih awal.

**iii) Impak terhadap jualan bilik hotel/penginapan untuk penggiat Industri hotel bertaraf 4 dan 5 bintang.**

- a) Pelaksanaan cukai ini memberi kesan negatif ke atas pengusaha hotel berlesen kerana kebanyakan pelancong dijangka tinggal di hotel-hotel bajet, motel, rumah tumpangan dan inap desa tidak berlesen di Negeri Selangor untuk mengelak daripada membayar cukai. Hal ini mendatangkan komplikasi pada masa hadapan disebabkan perubahan 'trend' dalam industri pelancongan dan hospitaliti.
- b) Apabila cukai baru diperkenalkan, ianya akan memberi kesan kepada harga bilik penginapan di dalam pasaran. Walaupun pendapatan cukai ini diperuntukkan untuk tujuan promosi pelancongan negara, kesan daripada kempen promosi ini akan diimbangi oleh pengurangan dalam jumlah kedatangan pelancong yang sebenar yang melawat negara ini.
- c) Jangkaan bagi perusahaan hotel yang mula merosot juga akan menjejaskan peluang pekerjaan dan risiko untuk mereka kehilangan pekerjaan adalah tidak mustahil. Maka sudah tentu pengenalan cukai ini bakal melihatkan lambakan pengangguran tenaga muda.

**iv) Impak kepada kedatangan pelancong ke Negeri Selangor.**

- a) Menjejaskan kedatangan pelancong terutamanya pelancong domestik. Walaupun hotel bertaraf empat atau lima bintang lebih menumpukan sasaran mereka terhadap pelancong asing namun kehadiran pelancong tempatan juga perlu diambil kira. Hal ini kerana pelancong tempatan juga adalah segmen terpenting dalam sektor pelancongan negara.
- b) Hal ini juga menjejaskan pelancong asing yang akan menyebabkan pelancong yang menetap bagi tempoh masa panjang akan memendekkan tempoh penginapan mereka kerana terpaksa menanggung kos yang tinggi kerana cukai dikenakan pada setiap malam untuk 1 bilik.

**v) Perbelanjaan untuk Hasil kutipan cukai pelancongan tidak jelas.**

- a) Dianggarkan kerajaan bakal mengutip RM654.62 juta setahun hasil Cukai Pelancongan tetapi ke mana wang itu akan dibelanjakan masih kabur. GST boleh dijadikan contoh untuk melihat kegagalan kerajaan mengurus wang kutipan cukai. Kutipan GST berjumlah lebih RM41 bilion setahun masih gagal dipastikan ke mana ia dibelanjakan.
- b) Kerajaan Pusat juga perlu menjamin hasil yang dikutip akan disalurkan untuk membina dan menambah baik infrastruktur pelancongan tempatan perlu menjadi proses telus supaya orang ramai dan penggiat industri pelancongan dapat melihat berapa banyak pendapatan yang dikumpul dan bagaimana ia dibelanjakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL  
(N25 KAJANG)**

**TAJUK : TEBATAN BANJIR**

132. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah strategi tebatan banjir yang holistik di lebaran sungai-sungai utama di Selangor?
- b) Setakat manakah rancangan pembinaan kolam takungan tebatan banjir tercapai semenjak 2010.
- c) Apakah kawalan terhadap kepesatan pembangunan yang boleh mengakibatkan saluran sungai tersekat dan limpahan air berlaku.

**JAWAPAN:**

- a) Usaha-usaha yang berterusan akan diberi penekanan bagi menangani masalah banjir menerusi kaedah struktur dengan melaksanakan kerja-kerja tebatan banjir dan kaedah bukan struktur yang merangkumi kerja penyediaan Peta Hazad Banjir serta menyediakan Sistem Amaran dan Ramalan Banjir. JPS Selangor telah mengambil langkah proaktif untuk meningkatkan tahap kesedaran dan penyertaan masyarakat terhadap sumber air serta pihak berkepentingan dengan menjalin kerjasama dengan agensi dan jabatan kerajaan lain yang berkaitan
- b) Pada tahun 2016, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor telah menjalankan sebanyak 5 buah kerja-kerja pembinaan kolam takungan seperti berikut:
  - 1. Membina Kolam Takungan Sri Serdang Daerah Petaling
  - 2. Membina Kolam Takungan Banjir Kg. Teluk Gadong, Daerah Klang
  - 3. Membina Kolam Takungan Banjir Taman Sentosa, Daerah Klang
  - 4. Membina Kolam Takungan Banjir dan Kerja-Kerja Berkaitan di Taman Permata, Daerah Sepang
  - 5. Membina Kolam Takungan Banjir dan Kerja-kerja Berkaitan di Kg. Tok Aminuddin, Daerah Sepang



Walaupun bagaimanapun, bagi memastikan kolam takungan sediaada dapat berfungsi dengan lebih berkesan, Jabatan Pengairan dan Saliran telah menjalankan kerja-kerja menaiktaraf kolam takungan sediaada. (senarai adalah seperti di bawah)

Bil.	Peruntukan	Bil. Kolam	Jumlah	Tahun
1	CP	60	1,033,722.19	2015
	P13		3,821,883.24	
	B13		413,766.40	
2	CP	48	4,812,496.37	2016
3	CP	4	473,640.86	2017
<b>Jumlah</b>		<b>112</b>	<b>10,555,509.06</b>	<b>2015 - 2017</b>

- c) Kepesatan pembangunan akan menyebabkan berlakunya perubahan guna tanah yang akan memberi impak terhadap keupayaan sistem saliran sediaada dalam menampung air larian dengan kuantiti yang lebih besar berkemungkinan menyebabkan berlakunya kejadian banjir dan gangguan terhadap kestabilan tanah. Justeru, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah menggariskan syarat-syarat yang perlu dipatuhi bagi setiap permohonan kelulusan pelan sistem saliran dan kerja tanah dan memastikan:
1. Setiap cadangan paras tanah adalah lebih tinggi dari paras banjir dikawasan yang dicadangkan.
  2. Kadar alir puncak dari kawasan pembangunan baru perlu dikurangkan melalui pembinaan *On-Site Detention* bagi pembangunan bersaiz kurang dari 25 ekar atau pembinaan kolam takungan bagi pembangunan bersaiz melebihi 25 ekar.
  3. Keperluan bagi pembinaan perangkap kelodak yang diselenggara dari masa ke masa bagi memastikan air luahan dari kawasan yang sedang dimajukan tidak mengalirkan kelodak ke bahagian hilir dan ke sungai semasa kerja tanah dijalankan
  4. Menjalankan kerja-kerja pemantauan bagi pematuhan terhadap pembangunan kerja tanah melalui gerakan Ops Lumpur.

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia turut telah mengeluarkan Manual Saliran Mesra Alam Edisi tahun 2000 dan telah dikemaskini pada tahun 2012 sebagai panduan bagi pengurusan air ribut dan saliran bagi setiap cadangan pembangunan yang baru.

## MAKLUMAT TAMBAHAN:

1. Apakah syarat-syarat yang diperlukan untuk OSD?
  - Keperluan bagi pembinaan *On-Site Detention* (OSD) adalah disyaratkan bagi setiap cadangan pembangunan baru yang berkeluasan kurang daripada 25 ekar.
  - OSD boleh terdiri daripada pelbagai jenis samada dalam bentuk simpanan atau takungan di atas tanah, simpanan atau takungan dalam tanah atau gabungan kedua-dua simpanan di atas dan dalam tanah yang dibina di dalam kawasan pembangunan yang dicadangkan.
  - OSD direkabentuk untuk menjadi kering sepanjang masa kecuali apabila ianya digabungkan dengan sistem penuaian air hujan.
  - Pengiraan bagi saiz OSD yang diperlukan hendaklah berdasarkan kepada Manual Saliran Mesra Alam Edisi 2 (MSMA 2<sup>nd</sup> Edition) 2012 dan dilengkapi dengan saluran keluar hingga ke parit utama sediaada.
  
2. Minimum syarat berapa ekar untuk syarat pembinaan OSD.
  - **Tiada pengecualian** keperluan pembinaan OSD bagi sebarang cadangan pembangunan baru dimana semua pembangunan berkeluasan kurang daripada 25 ekar adalah disyaratkan untuk membina OSD.
  - Walaubagaimanapun, pembinaan OSD individu adalah **disyorkan** bagi keluasan kawasan pembangunan kurang dari 0.1 hektar manakala OSD komuniti bagi kawasan melebihi 0.1 hektar.
  
3. Pemantauan di bawah siapa dan siapa yang jadi panel checking untuk kelulusan OSD
  - Kelulusan bagi sebarang pembinaan OSD adalah dibawah tanggungjawab pihak Jabatan Pengairan Saliran dimana ulasan dan syarat-syarat keperluan pembinaan akan dinyatakan di dalam ulasan teknikal yang dikeluarkan oleh Jabatan semasa permohonan kelulusan saliran dan perparitan dikemukakan oleh pihak pemaju/OSC.
  - Semakan bagi pematuhan terhadap kelulusan dan sokongan yang telah dikeluarkan akan dilaksanakan oleh pihak Majlis, Agensi/Jabatan teknikal yang terlibat dan JPS Daerah bagi tujuan pengeluaran *certificate of completion & compliance*
  
4. Maklumat dari permulaan kerja tanah hingga pembinaan sesebuah pembangunan yang melibatkan Bahagian Saliran Mesra Alam
  - Setiap permohonan bagi kerja-kerja pembangunan tanah perlu melalui proses seperti berikut:

BIL	PROSES PERMOHONAN	TINDAKAN BSMA
1.	Kebenaran Merancang	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Semakan pelan ukur</li> <li>- Semakan pengiraan hidraulik saluran keluar</li> <li>- Semakan pengiraan hidraulik struktur</li> <li>- Semakan ke atas Pelan Susunatur dengan keperluan simpanan parit</li> <li>- Keperluan bagi bayaran sumbangan caruman parit</li> </ul>
2.	Kelulusan Kerja Tanah	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Semakan keatas pelan kerja tanah yang menunjukkan cadangan <i>Erosion &amp; Sediment Control Plan</i> (ESCP).</li> <li>- Semakan laporan hidraulik keatas ESCP termasuk kolam/ <i>sediment pond</i></li> </ul>
3.	Kelulusan Kerja Perparitan dan Saliran	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Semakan terhadap cadangan '<i>Control at source</i>' (On-Site Detention / Kolam Takungan)</li> <li>- Semakan terhadap laporan Stormwater Management</li> <li>- Semakan bayaran terhadap sumbangan Caruman Parit</li> </ul>
4.	Sokongan <i>Certificate of Completion &amp; Compliance</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Semakan bagi pematuhan terhadap kelulusan dan sokongan yang telah dikeluarkan akan dilaksanakan oleh pihak Majlis, Agensi/Jabatan teknikal yang terlibat dan JPS Daerah bagi tujuan pengeluaran <i>certificate of completion &amp; compliance</i></li> <li>- Semakan As-Built Plan yang telah disahkan oleh Juruukur Berlesen</li> </ul>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : PEMBINAAN PERSIMPANGAN BERTINGKAT ANTARA LEBUHRAYA  
ELITE & SKVE, BANDAR SAUJANA PUTRA, JENJAROM**

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila menyatakan punca dan sebab mengapakah Projek tersebut masih tertangguh sehingga pada hari ini?
- b) Sila menyatakan carta perbatuan program pembinaan.
- c) Penetapan tarikh pembinaan persimpangan bertingkat akan dimulakan demi menyuraikan kesesakan trafik di Bandar Saujana Putra, Kuala Langat.

**JAWAPAN:**

- a) – c) Punca projek persimpangan masih tertangguh adalah disebabkan agihan kos pembinaan jejambat sebanyak RM38 Juta yang melibatkan banyak pemaju. Pada masa ini ianya masih didalam peringkat perbincangan dipihak Kerajaan negeri melalui UPEN bagi tujuan penyelarasan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PROJEK PERUMAHAN TERBENGGALAI**

134. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah terkini projek dan unit rumah terbengkalai sehingga kini?
- b) Nyatakan jumlah projek dan unit rumah terbengkalai yang telah dibaik pulih sehingga kini.
- c) Nyatakan jumlah perbelanjaan Kerajaan Negeri untuk perkara tersebut.

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga Jun 2017 terdapat 105 projek perumahan terbengkalai di Selangor dengan jumlah unit sebanyak 23,374 unit.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga Jun 2017, sebanyak 53 projek perumahan terbengkalai di Selangor yang telah dibaik pulih dengan jumlah unit sebanyak 24,660 unit.
- c) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM 20 juta di dalam Tabung Pemulihan Projek Terbengkalai (TEPAT) bagi membantu memulihkan projek terbengkalai di Selangor. Terdapat 2 projek terbengkalai yang telah dikenalpasti untuk dipulihkan dibawah TEPAT iaitu Projek Pembesaran Kampung Desa Mawar, Kuala Selangor dengan peruntukkan berjumlah RM 6,360,000.00 juta dan Projek Pangsapuri Kos Rendah Rimau Indah, Shah Alam berjumlah RM 13 juta. Sehingga kini, Projek Pembesaran Kampung Desa Mawar sedang dalam proses pemulihan dan dijangka siap pada 28 Mac 2018 dan Projek Pangsapuri Rimau Indah sedang dalam proses kajian pemulihan oleh pihak Worldwide Holdings Behad.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : DASAR PENJIMATAN KERAJAAN SELANGOR**

135. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah Dasar Penjimatan Kerajaan Selangor berkesan?
- b) Berapakah jumlah yang dapat dijimati selepas Kerajaan Selangor melaksanakan Dasar Penjimatan di Selangor?
- c) Apakah perancangan Kerajaan terhadap jumlah wang yang dapat dijimatkan berkenaan?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Kerajaan Negeri ingin memaklumkan bahawa **tiada sebarang keputusan atau perakuan pernah dibuat oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) berhubung Dasar Penjimatan Kerajaan Selangor**. Sebaliknya, Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat MMKN Bil.45/2014 yang bersidang pada 19 November 2014 ada meluluskan satu dasar yang diberi nama **Dasar Penilaian Perolehan Secara Sistem *Cut-Off*** yang selanjutnya dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2015 sebagai teras kepada penilaian perolehan Kerajaan yang diurus secara sebut harga dan tender. Dasar ini telah menggantikan Dasar Harga Terendah yang digunapakai sebelum tempoh tersebut.

Dasar Penilaian Perolehan Secara Sistem Cut-Off pada asasnya memberi penekanan terhadap dua (2) fokus utama iaitu penilaian perolehan kerajaan yang berintegriti dan perolehan menguntungkan bagi setiap ringgit yang dibelanjakan atau *Value for Money*. Dengan adanya elemen *Value for Money* tersebut, maka Kerajaan Negeri masih berupaya merekodkan lebih peruntukan atau penjimatan dalam proses perolehan susulan harga sebut harga atau tender yang diperakukan masih lagi di bawah nilai Anggaran Jabatan (AJ). Berikut adalah statistik yang menunjukkan lebih atau penjimatan secara tender yang dicapai oleh Kerajaan Negeri seperti rekod Perbendaharaan Negeri Selangor:-

**Jadual 1****Statistik Perolehan Secara Tender Semasa Dasar Perolehan Harga terendah**

TAHUN	BIL TENDER	ANGGARAN JABATAN (RM)	NILAI PEROLEHAN (RM)	JUMLAH LEBIHAN (RM)	PERATUS (%)
2011	65	390,790,112.83	279,449,760.57	111,340,352.26	28.49
2012	74	588,645,064.25	478,434,189.57	110,221,324.67	18.72
2013	63	392,463,794.71	324,130,967.90	68,332,826.81	17.41
2014	120	986,071,217.14	845,743,963.72	140,327,253.42	14.23
<b>JUMLAH</b>	<b>322</b>	<b>2,357,970,188.93</b>	<b>1,927,758,881.76</b>	<b>430,221,757.16</b>	<b>18.25</b>

**Jadual 2:****Statistik Perolehan Secara Tender Semasa Dasar Penilaian Perolehan Secara *Cut Off* (Mulai 1 Januari 2015 hingga kini)**

TAHUN	BIL TENDER	ANGGARAN JABATAN (RM)	NILAI PEROLEHAN (RM)	JUMLAH LEBIHAN (RM)	PERATUS (%)
2015	90	732,544,411.90	651,710,373.90	80,834,038.00	11.03
2016	158	1,227,454,314.37	1,003,288,098.55	224,166,215.82	18.26
*2017	64	739,267,200.64	654,658,255.73	84,608,944.91	11.44
<b>JUMLAH</b>	<b>312</b>	<b>2,699,265,926.91</b>	<b>2,309,656,728.18</b>	<b>389,609,198.73</b>	<b>14.43</b>

\* Nota: sehingga 30 Jun 2017

Kerajaan Negeri berpandangan Dasar Penilaian Perolehan Secara Sistem *Cut-Off* telah berjaya mewujudkan situasi menang-menang atau *win-win situation* di antara pihak Kerajaan Negeri dan kontraktor selaku pemain industri (*industry player*) dengan adanya mekanisme penilaian secara adil, berintegriti dan sistematik. Mekanisme ini telah membantu Kerajaan Negeri memilih syarikat atau kontraktor yang berkeupayaan tinggi dari segi teknikal dan kewangan pada harga yang munasabah serta menguntungkan Kerajaan Negeri. Justeru itu, Kerajaan Negeri berpandangan dasar sedia ini adalah relevan dan berkesan dalam membantu Kerajaan Negeri melaksanakan perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan mengikut Anggaran Belanja Mengurus dan Pembangunan yang telah diperuntukkan setiap tahun.

- c) Kerajaan Negeri menerusi Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan Perbendaharaan Negeri sentiasa menyelaraskan agar lebihan peruntukan pada Vot yang terlibat dapat dioptimumkan secara *case by case basis* seperti berikut:-
- (i) Membiayai kekurangan (*short-fall*) pada Vot Projek Fizikal yang sama atau projek yang lain yang mengalami peningkatan kos akibat kerja-kerja tambahan (*Variation Order*), pengukuran semula di tapak Kuantiti Kerja Sementara (*Provisional Item*) atau peningkatan Wang Peruntukan Sementara (*Provisional Sum*) bagi kerja-kerja yang terbukti benar-benar diperlukan di tapak supaya projek fizikal yang dirancang dapat disiapkan dengan sempurna;
  - (ii) Membiayai secara pindahan Vot Projek Fizikal yang pada mulanya telah diperuntukkan dalam anggaran perbelanjaan dengan amaun token RM10.00 sebagai projek tersenarai dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) agar projek tersebut dapat dimulakan pada tahun semasa; dan
  - (iii) Sekiranya tiada keperluan atau wujud kekangan masa, maka peruntukkan tersebut akan meningkatkan rizab kerajaan negeri.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : KEPERLUAN KERJASAMA KERAJAAN NEGERI/NGO-NGO DALAM  
MEMBENTERAS GEJALA SOSIAL**

136. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengiktiraf peranan NGO, berbincang dan merangka tindakan bersama dalam membanteras gejala sosial di Selangor?
- b) Pohon statistik tahun 2012-2016 kes-kes gejala sosial mengikut negeri dan kaum?
- c) Nyatakan kekangan dalam pembasmian kes gejala sosial di Selangor.

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri sentiasa melibatkan NGO di dalam perbincangan dan merangka tindakan bersama dalam membanteras gejala sosial di Selangor dan antara program yang melibatkan NGO ialah Bengkel Prosiding Menangani Gejala Sosial 2017 bertujuan merangka satu pelan bagi menyelaraskan, merancang pelaksanaan tindakan secara bersama dan bersepadu. Manakala NGO yang terlibat seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Persatuan Pelajar Islam Selangor Darul Ehsan (PEPIAS) dan rumah – rumah perlindungan.

Selain itu pihak NGO juga dilibatkan di dalam Majlis Dialog Belanjawan pada setiap tahun bagi mendapatkan idea, cadangan dan maklum balas bagi penyediaan program menangani gejala sosial.

- b) Statistik yang diperolehi daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) Selangor mengenai kes-kes gejala sosial / jenayah remaja dikalangan pelajar hanya melibatkan Negeri Selangor sahaja mengikut kaum adalah seperti berikut :

**STATISTIK TANGKAPAN PELAJAR DALAM KES - KES GEJALA SOSIAL /  
JENAYAH 2012 SEHINGGA 2016 DI NEGERI SELANGOR**

TAHUN	JUMLAH KES	BANGSA				JUMLAH TANGKAPAN
		MELAYU	CINA	INDIA	LLB	
<b>2012</b>	1,247	914	114	550	36	<b>1,614</b>
<b>2013</b>	1,418	971	155	610	41	<b>1,777</b>
<b>2014</b>	856	816	71	294	44	<b>1,225</b>
<b>2015</b>	558	608	50	180	12	<b>850</b>
<b>2016</b>	781	795	63	350	33	<b>1,241</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>4,860</b>	<b>4,104</b>	<b>453</b>	<b>1,984</b>	<b>166</b>	<b>6,707</b>

- c) Secara umumnya masalah gejala sosial merangkumi pelbagai perlakuan negatif anggota masyarakat. Gejala sosial juga diklasifikasikan sebagai satu jenayah yang melibatkan etika dan moral individu yang melibatkan remaja dan orang dewasa. Oleh itu pihak kerajaan dengan kerjasama pelbagai jabatan / agensi telah merancang dan melaksanakan program – program untuk menangani masalah gejala sosial ini.

Namun demikian, terdapat beberapa kekangan dalam usaha menangani masalah gejala sosial di Selangor antaranya :

**i. kurang penyelidikan / kajian**

Permasalahan gejala sosial ini amat kurang diberikan penumpuan kajian secara akademik. Ini adalah kerana tanggapan sesetengah pihak yang merasakan isu ini adalah tanggungjawab sesebuah organisasi sahaja. Selain itu, penyelesaian masalah sosial ini tidak boleh berdasarkan kajian semata-mata selagi agensi terlibat dan masyarakat tidak memahami faktor-faktor kompleks mengapa masalah ini terjadi.

**ii. Pengaruh media massa / media sosial**

Budaya keterbukaan melalui media massa dan sosial yang semakin menular di negara kita banyak mempengaruhi perkembangan dan tingkah laku masyarakat terutamanya remaja. Faktor ini juga merupakan kekangan kepada usaha pihak bertanggungjawab dalam menangani masalah sosial;

**iii. Kurang tenaga kerja dan kepakaran**

Bilangan kes gejala sosial yang semakin meningkat menyebabkan kurangnya nisbah tenaga kerja yang mempunyai kepakaran untuk mengendalikan kes. Bagi kes gejala sosial bukan sahaja perlu diperingkat intervensi kes tetapi juga terlibat diperingkat pencegahan, pengenalpastian keluarga yang berisiko dan seliaan.

Selain daripada kekangan di atas, sikap dan peranan ibu bapa yang kurang kemahiran dan terlalu sibuk, kawasan yang teralu padat dan tidak kondusif serta kurang keprihatinan masyarakat terhadap masalah ini merupakan cabaran untuk melaksanakan pelan tindakan menangani gejala sosial.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : PENGUPAYAAN KAFAI AL ISLAH, JALAN PJS 3/44, PETALING JAYA**

137. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) KAFAI Al Islah adalah sebuah sekolah yang menyewa unit kedai di tingkat 1 dan 2. Adakah ini dibenarkan memandangkan sekolah ini hanya ada satu pintu masuk?
- b) Mengapa tiada rizab sekolah disediakan untuk KAFAI mendirikan bangunan kekal?

**JAWAPAN:**

- a) Penubuhan sekolah agama rakyat adalah diasaskan oleh masyarakat (rakyat) tempatan. Keutamaan kemudahan sekolah kategori ini adalah di masjid dan surau.

Namun begitu, kategori sekolah ini juga boleh diurus oleh Jawatankuasa Penduduk yang boleh memutuskan tempat sekolah ini akan beroperasi.

Walau bagaimana pun kebenaran dan kelulusan pihak bomba dan penyelamat adalah diperlukan dalam proses pendaftaran sekolah bagi menjamin keselamatan murid.

- b) Kerajaan Negeri tidak menyediakan tapak kepada Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : SMART SELANGOR**

138. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan secara terperinci pecahan peruntukan program Smart Selangor?
- b) Apakah perancangan jangka masa panjang Smart Selangor?
- c) Nyatakan kesan langsung dan impak Smart Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukan sebanyak RM22 juta khusus bagi melaksana dan membangunkan projek-projek di bawah Gagasan Smart Selangor. Peruntukan tersebut akan disalurkan untuk projek-projek berikut:

No	Projek 2017	Jumlah (RM)
1	Smart Application Development Platform (SADP)	12,000,000
2	Big Data Command & Control Centre Feasibility Study	2,000,000
3	Internet of Things (IoT)	2,000,000
4	WiFi Smart Selangor	6,000,000

- b) Visi Smart Selangor adalah untuk Selangor mencapai taraf *Smart State* terunggul di ASEAN pada tahun 2025. *Smart State* yang bakal dicapai adalah sebuah negeri yang mempunyai sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan dan pengurusan maklum balas rakyat yang baik, ekonomi yang terus berkembang menerusi bidang-bidang ekonomi baru, mampu menyediakan peluang pekerjaan yang lebih baik untuk rakyat, berupaya membangunkan infrastruktur baru dan keupayaan sumber tenaga manusia yang akan terus memacu pembangunan negeri, dan mendokong prinsip keadilan sosial (*social justice*) dalam pelaksanaan polisi negeri untuk memastikan kualiti hidup yang lebih baik untuk rakyat.

Projek-projek perintis yang menguji beberapa *smart solutions* wajar diperbesarkan dan digunapakai di lebih banyak tempat di negeri Selangor sekiranya berkesan dan berjaya. Kesan positif daripada penggunaan *smart solutions* ini akan menjadi lebih

nyata sekiranya pihak kerajaan dapat memastikan penggunaan yang lebih menyeluruh dengan penglibatan lebih ramai rakyat. Perlu ditegaskan bahawa program Smart Selangor ini bukan hanya tertumpu kepada pembangunan dan penggunaan teknologi canggih terkini sahaja tetapi juga memastikan bahawa teknologi ini akan memberi kemudahan dan diterima oleh rakyat.

Pada akhirnya, data yang dikumpulkan daripada saluran Smart Selangor ini akan digunapakai untuk menjana dasar-dasar kerajaan yang lebih ke hadapan berdasarkan fakta dan angka-angka terkini.

Dalam masa terdekat ini, kerajaan negeri, menerusi beberapa anak syarikat milik negeri sedang meneliti beberapa inisiatif *green field*, di mana beberapa *Smart Cities* dan *Smart Township* bertaraf antarabangsa akan diwujudkan untuk memperhebatkan lagi penggunaan dan pembangunan teknologi *Smart Cities* terkini di samping mewujudkan *Smart Communities* yang akan memacu pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi untuk negeri Selangor. Dalam kata lain sesuai dikatakan bahawa inisiatif Smart Selangor ini juga akan menjadi pelan pembangunan ekonomi untuk negeri Selangor.

Kejayaan mencapai taraf *Smart State* ini bukan sahaja akan meletakkan negeri Selangor standing dengan *Smart State* dan *Smart Cities* lain di dunia malah ianya juga akan membina keupayaan kerajaan dalam merangka dasar-dasar ke hadapan berdasarkan angka dan fakta yang lebih tepat serta menjanjikan taraf kehidupan dan punca pendapatan yang lebih memartabatkan untuk rakyat negeri Selangor.

- c) Visi Smart Selangor adalah untuk Selangor mencapai taraf *Smart State* terunggul di ASEAN pada tahun 2025. *Smart State* yang bakal dicapai adalah sebuah negeri yang mempunyai sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan dan pengurusan maklum balas rakyat yang baik, ekonomi yang terus berkembang menerusi bidang-bidang ekonomi baru, mampu menyediakan peluang pekerjaan yang lebih baik untuk rakyat, berupaya membangunkan infrastruktur baru dan keupayaan sumber tenaga manusia yang akan terus memacu pembangunan negeri, dan mendokong prinsip keadilan sosial (*social justice*) dalam pelaksanaan polisi negeri untuk memastikan kualiti hidup yang lebih baik untuk rakyat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : MASALAH PENANAMAN PADI DI NEGERI SELANGOR**

139. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan purata hasil tuaian padi musim pertama 2017 di Sekinchan?
- b) Sila nyatakan apakah punca utama yang menyebabkan hasil tuaian padi kian merosot ?
- c) Sila nyatakan apakah bantuan dan kaedah penyelesaian yang dikenalpasti bagi mengatasi masalah tersebut ?

**JAWAPAN:**

- a) Purata hasil padi Sekinchan pada musim tuaian pertama 2017 masih lagi di peringkat pengumpulan data. Data yang ada setakat ini adalah seperti berikut:

Site A : 5.725 tan/ha

Site B : 5.175 tan/ha

Site C : tiada maklumat

Walau bagaimanapun, data yang dinyatakan di sini masih belum lengkap dan kerja-kerja pengumpulan data sedang berjalan.

- b) Antara punca utama hasil tuaian padi kian merosot adalah serangan penyakit seperti BLB yang menjadi wabak baru-baru ini. Wabak BLB mengurangkan diantara 10 hingga 60 peratus hasil tuaian. Selain daripada itu, serangan serangga seperti ulat pengorek batang juga menyebabkan kerugian hasil.
- c) Antara bantuan yang telah diberi bagi mengatasi masalah ini adalah pemberian input pertanian seperti racun kulat, baja silika dan baja natural farming. Selain daripada itu, petani turut dinasihatkan mengawal pergerakan jentera dan manusia di dalam sawah bagi mengawal perebakan penyakit ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN  
(N42 MERU)**

**TAJUK : KELULUSAN PEMBANGUNAN RUMAH IBADAH SELAIN ISLAM OLEH  
PBT DAN KERAJAAN SELANGOR**

140. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah syarat-syarat tersebut?
- b) Adakah ada penambahbaikan syarat yang sama ini dilaksanakan oleh PBT selain Selangor?
- c) Sejak tahun 2008, Berapakah permohonan baru, pemutihan binaan sedia ada dan binaan tanpa kelulusan di kawasan MPK? Senaraikan.

**JAWAPAN:**

- a) Kelulusan Rumah Ibadat Selain Islam dipertimbangkan berdasarkan tatacara yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui Pusat Setempat (OSC) Pihak Berkuasa Tempatan dan akan dirujuk kepada Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam Negeri Selangor untuk perakuan sekiranya terdapat percanggahan.
- b) Syarat-syarat yang ditetapkan adalah berdasarkan keputusan Pihak Berkuasa Negeri yang diluluskan dari semasa ke semasa.
- c) Jumlah permohonan Kebenaran Merancang yang diterima oleh pihak Majlis Perbandaran Klang (MPK) selepas tindakan pemutihan sejak tahun 2008 sehingga tahun 2017 adalah seperti berikut :-

<b>Kawasan</b>	<b>Permohonan Kebenaran Merancang</b>
Mukim Kapar	16 permohonan
Mukim Klang	19 permohonan
<b>Jumlah</b>	<b>35 permohonan</b>

Manakala jumlah binaan tanpa kelulusan atau tidak membuat permohonan Kebenaran Merancang di kawasan MPK adalah sebanyak 442 buah rumah ibadat.